





اینسٹیوٹ تیکنولوگی مارا  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA



# Laporan Tahunan 1993

# LAPORAN TAHUNAN 1993



اینسٹیوٹ تیکنولوگی مارا  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA

Yang Berbahagia Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud  
DA, SIMP, PNBS, DSSA, JBS  
Menteri Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan  
Kuala Lumpur

Majlis Institut Teknologi MARA dengan hormatnya menyampaikan Laporan Tahunan ITM bagi tahun 1993 mengikut kehendak Bahagian VI Seksyen 30(1) Akta Institut Teknologi MARA 19776 (Akta 173) Undang-Undang Malaysia.



A handwritten signature in black ink, appearing to read "TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN HAJI ARSHAD". The signature is fluid and cursive, with some vertical strokes and loops.

**TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN HAJI ARSHAD**  
**Pengerusi**

---

# KANDUNGAN

<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
MAKLUMAT KORPORAT	ix
MISI, FALSAFAH, OBJEKTIF	x
MATLAMAT	xi
GAMBAR AHLI-AHLI MAJLIS	xii
AHLI MAJLIS	xiii
GAMBAR PENGURUSAN KANAN	xiv
PENGURUSAN KANAN	xv
DEKAN KAJIAN DAN KETUA PUSAT AKADEMIK	xvi - xvii
PENGETUA KAMPUS CAWANGAN, JURUAUDIT	xviii
LAPORAN PENGARAH	
Mukadimah	3
Akademik	3 - 6
Pelajar dan Kakitangan	6
Pembangunan Fizikal	6 - 7
Kecemerlangan	7
Menangani 1994	7 - 8
LAPORAN KAJIAN/PUSAT DAN KAMPUS CAWANGAN	
Kajian Perakaunan	11 - 12
Kajian Seni Lukis dan Seni Reka	12 - 15
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang	15 - 16
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur	16 - 18
Kajian Sains Gunaan	18 - 20
Kajian Perniagaan dan Pengurusan	20 - 21
Kajian Sains Matematik dan Komputer	21 - 23
Kajian Kejuruteraan	23 - 24
Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan	24 - 25
Kajian Sebaran Am	25 - 26
Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat	26 - 27
Kajian Sains Kesetiausahaan	27 - 28
Pusat Pendidikan Islam	28 - 29
Pusat Bahasa	29

---

Pusat Pendidikan Luar	30
Pusat Kursus Luaran	30
Pusat Sistem Maklumat Bersepadu	31 - 32
Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC)	32 - 33
Pusat Pendidikan Persediaan	33 - 35
Biroteks	35
Pusat Sumber Pengajaran dan Pembelajaran	35 - 37
Pusat Computer Aided Design/Engineering/ Manufacturing (CADEM)	37
Pusat Pengajian Pengangkutan Malaysia	37
ITM Cawangan Perlis	37 - 38
ITM Cawangan Sabah	38
ITM Cawangan Sarawak	38 - 40
ITM Cawangan Terengganu	40
ITM Cawangan Johor	40 - 41
ITM Cawangan Melaka	41
ITM Cawangan Perak	42
ITM Cawangan Pahang	42
ITM Cawangan Kelantan	42 - 43
 <b>LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN (Lampiran A)</b>	
Senarai Projek Penyelidikan Yang Telah Tamat Pada Tahun 1993	45 - 50
 <b>LAPORAN PROJEK PERUNDINGAN (Lampiran B)</b>	
Senarai Projek Perundingan Yang Telah Tamat Pada Tahun 1993	51 - 52
Senarai Projek Perundingan Yang Bermula Pada tahun 1993	53 - 55
 <b>PENERBITAN DAN PENTERJEMAHAN (Lampiran C)</b>	
Buku	56 - 61
Jurnal	61 - 72
 <b>PEMBENTANGAN KERTAS KERJA (Lampiran D)</b>	73 - 97
 <b>PENYATA KEWANGAN</b>	99 - 121

---

# CARTA

## Muka Surat

Carta I : Statistik Graduan	4
a. Konvokesyen April 1993	
b. Konvokesyen Oktober 1993	
Carta II : Pengambilan Pelajar	4 - 5
a. Pengambilan Pelajar Sepenuh Masa Dan Separuh Masa (PPL/PJJ) Mengikut Kampus Tahun 1993	
b. Pengambilan Pelajar Sepenuh Masa Mengikut Kampus Januari Dan Julai 1993	
c. Pengambilan Pelajar Separuh Masa (PPL/PJJ) Mengikut Kampus Januari Dan Julai 1993	
Carta III : Peperiksaan	5
a. Peperiksaan Mei 1993 (Sepenuh Masa)	
b. Peperiksaan November 1993 (Sepenuh Masa)	
c. Peperiksaan Mei 1993 (PPL/PJJ)	
d. Peperiksaan November (PPL/PJJ)	



Kampus Induk Institut Teknologi MARA Shah Alam

---

## **MAKLUMAT KORPORAT**

### **Penubuhan**

Sejarah Institut Teknologi MARA bermula dengan penubuhan Dewan Latihan RIDA dalam tahun 1956 yang bertujuan untuk memberi latihan dan pendidikan dalam bidang perusahaan dan perniagaan untuk membolehkan anak-anak bumiputera dan luar bandar meleburkan diri dalam bidang-bidang tersebut. Seramai 25 orang pelajar telah diterima untuk mengikuti pengajian London Chamber of Commerce (Peringkat Permulaan) dan dalam perusahaan membuat tali sabut.

Selaras dengan resolusi kongres Ekonomi Bumiputera yang telah diadakan dalam tahun 1965, peranan pusat pengajian ini telah diperluaskan dan namanya ditukar kepada Maktab MARA. Jumlah dan peringkat pengajian telah dipertingkatkan. Permintaan untuk jenis dan bidang latihan yang ditawarkan menekankan keupayaan fizikal maktab dan beberapa bangunan terpaksa disewa. Akhirnya, sebidang tanah seluas 300 ekar di Shah Alam telah diluluskan untuk pembinaan kampus tetap dan pada 14 Oktober 1967, upacara perlatakan batu asas telah dilakukan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein. Serentak dengan itu, Maktab MARA bertukar nama kepada Institut Teknologi MARA.

Pada peringkat permulaan Dewan Latihan RIDA telah ditadbirkan oleh Bahagian Latihan RIDA dan seterusnya Bahagian Latihan MARA apabila RIDA bertukar nama kepada MARA. Ini bermakna bahawa pusat pengajian ini turut diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Pada akhir tahun 1970 Institut Teknologi MARA telah diberi autonomi penuh dan ditadbirkan oleh Majlis Pentadbirannya sendiri. Dengan lulusnya Akta Institut Teknologi MARA pada bulan Jun 1976, ITM diletakkan terus di bawah Kementerian Pelajaran.

Perkembangan ITM sebagai pusat pengajian profesional dan separa profesional mencatatkan satu sejarah yang pesat dan cemerlang. Daripada cuma kursus perdagangan rendah dan vokasional pada permulaannya. ITM kini menawarkan 95 kursus dalam berbagai bidang pengajian yang diletakkan di bawah 12 Kajian, merangkumi bidang-bidang sains dan kejuruteraan, perniagaan dan pengurusan dan sains sosial dan kemanusiaan. Bermula dengan 25 orang pelajar, ITM kini mempunyai 33,045 pelajar yang ditempatkan di sepuluh buah kampus termasuk seramai 12,098 orang pelajar di kampus induk Shah Alam. Dari sebuah kampus di Petaling Jaya, ITM kini mempunyai kampus cawangan di Sabah, Sarawak, Perlis, Terengganu, Melaka, Johor, Pahang, Perak dan Kelantan.

---

---

## **MISI**

Menjadi sebuah Institusi Pendidikan Tinggi terkemuka. Berilitizam untuk mewujudkan kecemerlangan akademik dalam bidang pendidikan dan latihan profesional bagi pembangunan sosio ekonomi negara.

## **FALSAFAH**

Kepercayaan bahawa semua manusia mempunyai bakat, minat dan kecenderungan dan jika diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui pemindahan ilmu pengetahuan dari mana-mana kebudayaan atau tamadun dunia secara terbuka, serta melalui pemindahan dan penerapan nilai-nilai Islam boleh berperanan dalam membangunkan diri, masyarakat dan negara.

## **OBJEKTIF**

Untuk mendidik bumiputera menjadi profesional yang berkaliber, berdikari, berilmu dan bertaqwa supaya boleh bersaing dalam dunia perniagaan, perdagangan, sains dan teknologi.

---

---

## **MATLAMAT**

Untuk mencapai objektif akademiknya ITM menyusun aktiviti-aktiviti akademik berikut:-

1. Mengadakan program-program pendidikan di peringkat profesional dan separa profesional.
2. Mendedahkan pelajarnya kepada ilmu pengetahuan dari mana-mana tamadun yang sesuai dengan hasratnya sebagai institusi pendidikan tinggi asal tidak bercanggah dengan kebudayaan dan tatasusila Melayu.
3. Mendedahkan pelajarnya kepada program-program bukan akademik, yang boleh membentuk sahsiah mereka, sebagai persiapan untuk bersaingan dalam dunia pekerjaan.
4. Menanamkan semangat dan ciri-ciri Islam ke dalam sanubari pelajarnya melalui program-program keagamaan dan pembinaan insan kamil.
5. Menentukan setiap tenaga pengajarnya mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing melalui proses perkembangan sumber manusia yang sistematik.
6. Membentuk satu sistem pentadbiran pendidikan yang boleh mendorong kreativiti dan kerjasama antara kakitangan supaya misi ITM sebagai institusi pendidikan tinggi cemerlang tercapai.

## AHLI-AHLI MAJLIS



**Duduk dari kiri ke kanan :**

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr Ir. Wan Abdul Rahman bin Yaacob, Tuan Haji Zahani bin Tan Sri Ahmad, Y. Bhg. Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman bin Arshad, Ir Hj. Ahmad Zaidee bin Haji Laidin, Puan Zaharah bt. Shaariwang.

**Berdiri dari kiri ke kanan :**

Encik Abdul Rahman bin Mohd Ali, Y. Bhg. Datuk Haji Mohd Ridzuan bin Abdul Halim, Cik Zawiah bt. Wan Awang, Y. Bhg. Datuk Haji. Mohd. Taha Ariffin, Tuan Haji Bahadon bin Ismail.

**Tiada dalam gambar :**

Y. Bhg. Dato' Haji Abdul Ghani bin Sulaiman, Pn. Noraini Abdul Rahman, Dr. Jaafar Ahmad, Encik Mohd Ibrahim bin Mohd Zain.

# **MAJLIS ITM**

## **PENGERUSI**

1. Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman bin Arshad PSM, SPDK, DCSM, DMPN, DSAP, DKSJ, JMN, JSM, BSK Pengerusi Bank Industri Malaysia Berhad

## **TIMBALAN PENGERUSI**

2. Tuan Haji Zahani bin Tan Sri Ahmad, JSM, AMN Pengerusi BEP Akitek Sdn. Bhd.

## **AHLI-AHLI**

### **PENGARAH ITM**

3. Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Mohd. Mansor bin Haji Salleh DSDK, JSM

### **KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

4. Wakil : Puan Zaharah bt. Shaari Wakil Ganti : Encik Ali bin Bahari

### **KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

5. Yang Berbahagia Dato' Mohd. Noordin bin Hassan DPSK, JMN, SMP, KMN  
Wakil : Puan Nuraizah bt. Abdul Hamid, JSM  
Wakil Ganti : Dr. Mohd. Yahya bin Nordin

### **KETUA PENGARAH PENDIDIKAN**

6. Wakil : Encik Abdul Rahman bin Mohd. Ali  
Wakil Ganti : Yang Berbahagia Dato' Dr. Abdul Shukor bin Abdullah

## **KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

7. Wakil : Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Ghani bin Sulaiman DIMP  
Wakil Ganti : Tuan Hj. Jamaluddin bin Hj. Ahmad Damanhuri  
Wakil Ganti : Tuan Haji Musa bin Haji Taib

## **PEGUAMCARA NEGARA**

8. Wakil : Puan Noraini bt. Abdul Rahman

## **KETUA PENGARAH MARA**

9. Yang Berbahagia Dato' Hj. Mohd. Ridzuan bin Abdul Halim, DSDK

## **AHLI-AHLI LAIN**

10. Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd. Taha Ariffin PGBK, JBK, PPC, PBS Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
11. Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Ir. Wan Abdul Rahman bin Yaacob PSM, SPMT, DPMT, JSM, AMN Ketua Pengarah Kerja Raya

12. Encik Mohd. Ibrahim bin Mohd. Zain Pengerusi Eksekutif Pan Malaysian Industries Berhad
13. Dr. Jaafar bin Ahmad, JSM Penasihat Bank Negara Malaysia

## **SETIAUSAHA**

- Pendaftar  
Encik Bahadon bin Ismail

## PENGURUSAN KANAN



### Berdiri Dari Kiri Ke Kanan:

Puan Rahmah bt. Muhamad, Dr. Khalifah bin Othman, Hajah Siha bt. Saat, Ir. Haji Ahmad Zaidee bin Haji Ladin, Ir. Dr. Wan Mahmood bin Wan Abdul Majid dan Haji Bahadon Ismail

# PENGURUSAN KANAN

## PENGARAH

Dato' Dr. Haji Mohd. Mansor bin Haji Salleh  
DSDK, JSM  
B.Sc (Wales), M.Sc (B'ham), Ph.D(Manc),  
C.Eng.(U.K.), MIM, Micorr ST

## TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR)

Ir. Dr. Wan Mahmood bin Wan Abdul Majid  
Adv. Dip. In C. Eng.(ITM), M.Sc(Eng.)(Surrey)  
Ph.D(C.Eng.)(City U.London),P.Eng., FIEM,  
MIE(Aust.), C.P.ENG

## TIMBALAN PENGARAH (PENGURUSAN)

Dr. Khalifah bin Othman, AMP  
DBS(ITM), B.Sc(Fin.)(NIU), MBA(NIU),  
Ph.D(Mktg.)(Stirling)

## PENDAFTAR

Bahadon bin Ismail  
ACSA(U.K), BBA(Ohio), M.A.(Econ)(Ohio)

## BENDAHARI

Haji Abdul Sofi bin Mohd. Noor  
AASA(Aust.) MACPA, MIA, MCPA(Aust.)  
(sehingga 19 Mei 1993)

Hajah Siha bt. Saat  
B.Eco.(Acc.)UM, MBA (Acct.)(Armstrong)  
(mulai 19 Mei 1993)

## PENOLONG PENGARAH (AKADEMIK) I

Dr. Syed Noh bin Syed Ahmad  
B. Econ.(Hons)(Malaya), MBA(Indiana), M.Sc(Acc.  
& Fin.)(Stirling) Ph.D(Acc.)(Stirling)

## PENOLONG PENGARAH (AKADEMIK) II

Ir. Dr. Sahol Hamid bin Abu Bakar  
Adv. Dip. (C. Eng.)(ITM), M.Sc.  
(C. Eng.)(Colorado S.Univ.)  
M.Sc. (Econ.)(Colorado S.Univ.)  
Ph.D (C. Eng.)(Sussex)

## PENOLONG PENGARAH (AKADEMIK) III

Dr. Szarina Abdullah  
Cert. in Lib. Studies (Hawaii), B.A.(Hons)(Lib. Arts)  
(Chulalongkorn), M.A (Lib. Studies)(Hawaii)  
Ph.D (Lib. Info. Sc.)(Illinois)

## PENOLONG PENGARAH (HAL EHWAL PELAJAR) I

Dr. Mohd. Said Zainol  
B.Sc.(Maths)(Malaya), MBA(Mgmt.Info.)(Leuven),  
Ph.D.(Q.M)(Wales), F.S.S

## PENOLONG PENGARAH (HAL EHWAL PELAJAR) II

Shaikh Ibrahim bin Shaikh Omar  
Dip. Ukur Tanah (ITM), B.Sc(Land Survey Sc.)  
NELP(U.K.)  
M.Sc(Land Survey)(Queensland)  
(sehingga 28 Februari 1993)

Ustaz Ramli bin Ibrahim  
SMPI(KEP)(Usuluddin & Falsafah) (UKM)

## KETUA PUSTAKAWAN

Datin Rugayah bt. Abdul Rashid, KMN  
ALA(UK), FLA(UK), MLS(Hawaii)  
(sehingga 7 April 1993)

Rahmah bt. Muhamad  
AIA(UK), ACIS(UK), MLS(Hawaii)  
(mulai 7 April 1993)

## KETUA PEJABAT PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN

Haji Tamzil bin Munir  
Dip. Quant Survey (Queensland), AAIQS(Aust.)  
Cert. In Mgmt. for Tech. & Voc. Ed. (U.K.)  
(sehingga 18 Mac 1993)

Ir. Dr. Hj. Munshi @ Munsi Abd. Hamid  
Dip. (Building Econ.)(ITM), B.Sc.(Building Tech. &  
Mgmt)(Brighton Poly.)  
M.Sc. (Ind. Cons. Mgmt.)(Colorado State),  
Ph.D (Labour Productivity)(Dundee)  
(mulai 18 Mac 1993)

## KETUA PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN

Ir. Dr. Mohamed Dahalan Mohamed Ramli  
B.(Mech.Eng.),(Jadavpur), M.Sc. (Mech.  
Eng.)(Washington)  
Ph.D.(Mech. Eng.)(Sussex)  
(sehingga 31 Julai 1993)

Dr. Nor Saadah bt. Hj. Ismail  
B.Sc.(Hons)(Chemistry) (Loughborough)  
Ph.D (Chemistry)(N. Illinois)  
(Mulai 1 Ogos 1993)

## KETUA PUSAT PERANCANGAN DAN PENILAIAN

Dr. Abd. Halim bin Mohd. Nawawi  
B.Econ. (Stats) (U.K), MBA(Fin)(Leuven),  
DBA(Fin)(Nova)

# DEKAN KAJIAN DAN KETUA PUSAT AKADEMIK



## KAJIAN PERAKAUNAN

Dr. Juhari bin Samidi  
BIM (U.K), ACCA (UK), MBA(Acc.)(Ohio),  
Ph.D(Bus.Admin.)(Arkansas)

## KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA

Dr. Muhamad Tamyez Haji Bajuri  
Dip. in Art & Design (ITM), MA (Ind. Design) CNAA  
Ph.D (Industrial Design)(Manchester Poly)(CNAA)

## KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG

Khalid bin Yusoff  
LL.B(Lond.)Bar at Law (Lincoln's Inn),  
M.A(Bus.Law)(London)  
(sehingga 30 September 1993)

Zita bt. Hj. Mohd. Fahmi  
LL.B.(Hons)(UK)  
Master of Law (London)  
(Mulai 1 Oktober 1993)

## KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR

Abdul Ghani bin Mohd. Desa  
Dip. (Arc.)(ITM), B. (Arc.)(Queensland)  
Bhg. III Arkitek Professional  
(Lembaga Arkitek Malaysia)  
(sehingga 31 Oktober 1993)

Kamariyah bt. Kamsah  
Dip.(Arc.)(ITM), B.(Arc.)(Mississippi)  
M.(Arc.)(Illinois)  
(mulai 31 Oktober 1993)

## KAJIAN SAINS GUNAAN

Dr. Sulong bin Haji Kamaruddin  
DVM(Bangladesh), M.Sc(Minnesota)

## KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN

Haji Abdullah bin Haji Ghazali  
DBS(ITM), BBA(Ohio), MBA(Quant. Methods)(Ohio)  
(sehingga 31 Ogos 1993)

Dr. Mohd. Tahir Haji Abdul Hamid  
CIM(U.K), B.Sc(Syracuse), MBA(Central Michigan),  
Ph.D(UWIST)  
(mulai 1 September 1993)

## **KAJIAN SAINS MATEMATIK DAN KOMPUTER**

Dr. Sahar bin Sawiran  
Cert. Ed.(Penang), B.Ec(Hons.)(Stats)Malaya,  
MBA(QM & Int. Buss.)  
(Leuven), Ph.D(Q.M), FRSS(U.K)(Wales)

## **KAJIAN KEJURUTERAAN**

Ir. Dr. Hassan bin Ibrahim  
Ir. (Mech. Eng.)(Bandung), M.Sc(Ottawa),  
Ph.D (Thermal Eng.)(Glasgow), MEIM, MASHRAE  
(sehingga 31 Julai 1993)

Ir. Dr. Moham Dahalan bin Mohamed Ramli  
B.(Mech.Eng.),(Jadavpur), M.Sc. (Mec.  
Eng.)(Washington State)  
Ph.D.(Mec. Eng.)(Sussex),MIEM,P.Eng.  
(mulai 1 Ogos 1993)

## **KAJIAN PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN**

Encik Abd. Azis bin Abd. Majid  
DHCM(ITM), BBA (Ohio)(Hawaii),  
M.A. Ed. In Human Dev.  
(Travel Admin. & Tourism Dev.)  
(Geoge Washington)  
(sehingga 31 Oktober 1993)

Chek Zaini bt. Hassan  
Diploma (Hotel Management)(ITM), B.Sc(Inst. Food  
Service Mgmt.)(New Haven), M.Sc(Human Nutrition  
& Food Services Mgmt.)(Nebraska)  
(mulai 1 November 1993)

## **KAJIAN SEBARAN AM**

Dr. Bukhory bin Haji Ismail  
Sarjana Muda (Jurnal), Sarjana (Drs)(Jurnal  
(U. Padjadjaran Indon.)  
M.A (Photojour)(Mich. St.), Ph.D(Jour. Mass  
Comm.)(Ohio)

## **KAJIAN SAINS KESETIAUSAHAAN**

Encik Wan Abdul Aziz bin Abdul Kadir  
Dip. Stenography (ITM), B.A.(Bus. Ed.)(Wilmington)  
M.(Bus. Ed)(Morehead St.)

## **KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT**

Fuziah bt. Mohd. Nadzar  
Dip. in Library Science (ITM), M.Sc.  
(Lib.Sc.)(Case W. Reserve)

## **PUSAT BAHASA**

Dr. Abu Bakar bin Haji Ibrahim  
Cert. In Ed.(MPSI), MA Ed/TESOL, M.Sc/B.S Ed.  
(IU) Ph.D (Curr Instr./TESOL)MSU  
(sehingga 30 November 1993)

Tuan Syed Omar bin Syed Mohamed  
Sijil Pendidikan (Madinah),B.A (Syariah)(Madinah)  
M.A (Arabic)(Michigan)  
(mulai 1 Disember 1993)

## **PUSAT PENDIDIKAN LUAR**

Hamidah bt. Junid  
DIA(ITM), BBA(Marketing)(Ohio)  
MBA (Marketing) (New Haven)

## **PUSAT PENDIDIKAN ISLAM**

Zakaria bin Abdullah  
B.A(Hons.)(Islamic St.)(UKM), M.Litt. (Aberdeen)

## **PUSAT KURSUS LUARAN**

Ungku Faridah bt. Osman  
DIA (Perth), AASA (Aust.)  
(sehingga 14 Disember 1993)

Puan Hajah Hawa bt Haji Hamidon  
DIA (Perth), AASA (Aust.), MIA(Aust.)  
(mulai 15 Disember 1993)

## **PUSAT SUMBER PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Dr. Zulaiha bt. Mohamed Ismail  
B.A (Pol. Sc. & Hist.), Dip. Ed. (S'pore)  
M.A. (Hum. Res. Dev.) M.A(Ed. & Psychology)  
(E. Carolina) Ph.D (Hum. Res. Dev.)(Washington)

## **PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)**

Dr. Humam bin Haji Mohamed  
B.Econs (Bus. Admin.)(UM), MBA  
(Bus. Admin.)(Philippines)  
Ph.D (Bus. Admin.)(Stirling)

## **PUSAT MAKLUMAT BERSEPADU**

Aminuddin bin Haji Mohamad  
B.Sc(Math.)(Auckland), M.Sc.  
(Ind. Math. & Stat.)(Aston),  
M.N.C.C.,F.R.S.S.(U.K)

## **BIRO PENYEDIAAN TEKS (BIROTEKS)**

Dr. Katni Kamsono Kibat  
ACA(ITM - UK), BA(Pol.Sc)(Wilmington),  
M.Sc.(Librarianship)(WMU), Ph.D(Lib. & Info.  
Sc.)(Pittsburgh)

## **PUSAT PENDIDIKAN PERSEDIAAN**

Dr. Zaini bin Hamzah  
S/Muda Sains (Kimia)(UKM),  
Dip. Peng. Islam(UKM),  
Post Dip. in Chemistry, (UK),M.Sc  
(Nuclear & Radiation Chem.),  
Ph.D (Radio Chem.),(Salford)

# **PENGETUA-PENGETUA KAMPUS CAWANGAN**

## **ITM CAWANGAN SABAH**

Baharudin bin Ismail  
DBS(ITM), B.Sc(Bus.),(Mktg. Mgmt.)(Miami),  
MBA(Bus. & Comm.)(Marshall)

## **ITM CAWANGAN SARAWAK**

Dr. Ibrahim bin Abu Shah  
DPA(ITM), B.A(Eco.)(Ohio), M.A(Sociology)(Ohio),  
Ph.D(Gov. & Pol.)(Maryland)

## **ITM CAWANGAN PERLIS**

Wan Abaid bin Wan Ismail  
DPA(ITM), B.A(Bus.)(Monmouth Coll.), MBA  
(Mgmt.)(Marshall)

## **ITM CAWANGAN TERENGGANU**

Ismail bin Shari  
B.Econ.(Hons)(UM), M.Econ.(UKM)  
(sehingga 14 Ogos 1993)

Dr. Mohamad bin Muda  
DICM(ITM), Dip.(Tourism Studies)(Bournemouth)  
Final Membership (HCIMA)(UK),  
M.Sc.(Hotel Rest. & Travel Admin.)(Massachusetts)  
Ph.D (Hotel & Rest./Hosp. Mgmt.)(Strathclyde)  
(mulai 15 Ogos 1993)

## **ITM CAWANGAN JOHOR**

Alias bin Ramli  
ICSA (U.K), BBA (Ohio), MBA (Ohio)  
(sehingga 14 Ogos 1993)

Dr. Hj. Sharuddin bin Salleh  
Dip. (Mech. Eng.)(UTM), M.Sc. (Traffic  
Highway)(Strathclyde)  
Ph.D (Highway Eng.)(Bradford)  
(mulai 15 Ogos 1993)

## **ITM CAWANGAN MELAKA**

Dr. Baharuddin bin Abdul Aziz  
Dip. (Mass Comm.) (ITM)  
M.S.(Broadcasting)(Boston)  
Ph.D (Communication)(Oregon)

## **ITM CAWANGAN PERAK**

Syed Ziad Wapha bin Syed Nordin Wapha  
B. Arch. (Queens), B.Sc. Arch. (Sydney), APAM

## **ITM CAWANGAN PAHANG**

Dr. Nasuddin bin Othman  
DPIM (ITM), M.Sc. (Agr. Econ.)(Indonesia),  
M.Sc.(Agri. Dev.)(Belgium)  
Ph.D (Farm Mgmt.)(Stirling)

## **ITM CAWANGAN KELANTAN**


Tuan Haji Abdullah bin Mohamad  
Sijil Perguruan - (PLD)(K. Terengganu),  
B.Sc.(Hons)(USM)  
MPA, (Urban Mgmt.)(Pittsburgh)

## **JURUAUDIT**

Pejabat Ketua Audit Negara  
Bahagian Perusahaan Awam Persekutuan  
Tingkat 12, Bangunan KUWASA  
Jalan Raja Laut  
50510 KUALA LUMPUR

# **LAPORAN PENGARAH**

## PENGARAH ITM



---

# LAPORAN PENGARAH

---

## Mukadimah

Dengan rahmat Allah S.W.T. jua dapat saya menyempurnakan amanah melaporkan pencapaian ITM sepanjang 1993 melalui Laporan Institut ini. Ini adalah kali pertama saya melaporkan sejak dilantik sebagai Pengarah pada 1 Januari 1994. Sehubungan itu, dengan ikhlas saya mengabadikan setinggi penghargaan kepada Pengarah terdahulu, *Dato' Dr. Haji Mohd Mansor Haji Salleh*, yang telah menyempurnakan amanah mengurus ITM pada tahun yang berkaitan dengan Laporan ini.

Sinario pendidikan negara sepanjang tahun 1993 menampilkan perkembangan yang pesat, khususnya perkembangan institusi pendidikan tinggi (IPT); bukan sahaja IPT tajaan kerajaan yang berkembang malah IPT tajaan swasta juga tumbuh dan berkembang sealiran dengan galakan kerajaan meluaskan peluang pendidikan peringkat tinggi. ITM tidak ketinggalan dalam menyumbang ke arah perkembangan tersebut.

## Akademik

Bagi memenuhi permintaan terhadap tenaga kerja berketrampilan dan berilmu, sepanjang 1993 ITM telah menawarkan sejumlah 7,240 lulusan bagi pasaran tenaga kerja negara. Dari jumlah tersebut, 30 orang adalah lulusan MBA. (Sila lihat Carta I (a) I (b)). Bagi menjamin kesinambungan pembekalan, seramai 10,687 orang pelajar baru telah mendaftar memasuki kursus sepenuh masa, sementara 3,928 orang memasuki program-program Pengajian Luar Kampus dan Pengajian Jarak Jauh. (Sila lihat Carta II (a) II (b) II (c)).

Memenuhi keperluan tenaga kerja negara bukan sahaja memenuhi jumlah dan kualiti tetapi bidang yang diperlukan. Memandangkan pentingnya penyebaran maklumat, sebuah kursus baru, Diploma Teknologi Percetakan, telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan. Kursus selama 4 tahun ini bermula pada Januari 1993 dengan pengambilan seramai 29 orang pelajar.

Dengan fokus terhadap peranan sektor korporat yang semakin penting, Kursus Diploma Lanjutan Pentadbiran Korporat mula ditawarkan pada Julai

1993 dengan pengambilan pertama seramai 20 orang. Kementerian Pendidikan juga telah meluluskan penawaran Kursus Diploma Lanjutan Ukur Bangunan yang akan bermula Januari 1994. Demi pembangunan negara dan kepentingan Bumiputera, adalah diharapkan lebih banyak lagi kursus-kursus baru yang terbukti diperlukan oleh industri diluluskan dan diiktirafkan oleh pihak kerajaan tanpa lengah dimasa hadapan. Kursus Diploma Lanjutan Pengajian Perniagaan (Kewangan) telah mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai bertaraf ijazah Sarjana Muda (Kepujian).


ITM adalah institusi pengajian tinggi yang pertama mewajibkan semua pelajarnya mengambil matapelajaran Pendidikan Islam (bagi Muslim) dan Tamaddun Islam (bagi bukan Muslim). Setelah 10 tahun inisiatif itu berlaku, mulai 1993 ITM menambah pula matapelajaran Asas Kefahaman Islam bagi pelajar Kursus Pra-Perdagangan. Selaras dengan hasrat menggembangkan Islam, Pusat Pendidikan Islam juga menawarkan kursus pendek (13 minggu) Sijil Pentadbiran Islam.

Dengan maksud memanfaatkan perubahan persekitaran beberapa penyusunan semula akademik dilakukan. Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat telah berpindah dari kampus Jalan Othman, Petaling Jaya ke kampus Shah Alam. Mulai Julai 1993, Kursus Diploma Analisis Pelaburan dipindahkan ke kampus Cawangan Johor; kursus jangka pendek Kajian Pengurusan Hotel & Pelancungan iaitu HC 06 (Housekeeping), HC 07 (Waiting), HC 08 (Front Office) dan HC 09 (Eastern & Western Cookery) dipindahkan ke kampus cawangan Terengganu. Turut mengalami perubahan ialah Kajian Sains Kesetiausahaannya dimana kampus-kampus Cawangan Sabah, Sarawak, Perak dan Pahang mengendalikan kursus Diploma Sains Kesetiausahaan manakala Kampus Shah Alam hanya mengendalikan Kursus Diploma Kesetiausahaan Eksekutif.


Idea inovatif ITM memperkenalkan pengajian luar kampus menjadi ikutan institusi pengajian tinggilain. Bermula pada 1973, pada 20 Julai 1993 genaplah usia Pusat Pendidikan Luar (PPL) ITM 20 tahun. PPL unik kerana menawarkan dua bentuk pendidikan : pengajian luar kampus dan pendidikan jarak jauh. Pada Januari 1993, Kursus Diploma Lanjutan Pengajian Perniagaan (Pemasaran) telah ditawarkan secara pengajian luar kampus di ITM Cawangan Sarawak. Ini menjadikan jumlah kursus yang ditawarkan melalui pengajian luar kampus sebanyak 8 dan

## CARTA I: STATISTIK GRADUAN.

### a) KONVOKESYEN APRIL 1993 (3012 GRADUAN)




### b) KONVOKESYEN OKTOBER 1993 (4,228 GRADUAN)




## CARTA II: PENGAMBILAN PELAJAR

### a) PENGAMBILAN PELAJAR SEPENUH MASA DAN SEPARUH MASA (PPL/PJJ) MENGIKUT KAMPUS TAHUN 1993



### b) PENGAMBILAN PELAJAR SEPENUH MASA MENGIKUT KAMPUS JANUARI DAN JULAI 1993




melalui pendidikan jarak jauh sebanyak 3. Bagi tujuan pemantapan, PPL telah berpindah dari Kampus Jalan Othman, Petaling Jaya ke Kampus Shah Alam pada Disember 1993.

Kesinambungan penerokaan ITM dalam pembukaan cawangan di seluruh negara menampilkkan usaha berterusan mengembangkan 9 kampus cawangan sediada: Perlis, Perak, Melaka, Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak. Pada penghujung 1993, ITM Cawangan Melaka berpindah dari Kampus Jalan Hang Tuah ke kampus baru di Lendu. Turut berpindah ialah ITM Cawangan Pahang; Kampus Jengka mula beroperasi pada 1 Mei 1993.

Kemuncak kehadiran pelajar di kampus, selain daripada menghadiri Konvokesyen ialah menduduki peperiksaan. ITM telah mengadakan peperiksaan sebanyak 2 kali iaitu pada bulan Mei dan November 1993.

c) PENGAMBILAN PELAJAR SEPARUH MASA  
(PPL/PJJ) MENGIKUT KAMPUS  
JANUARI DAN JULAI 1993




Dalam peperiksaan Mei 1993, seramai 24964 pelajar sepenuh masa telah menduduki peperiksaan ini. Daripada jumlah tersebut 24184 (96.8%) telah lulus dan hanya 780 (3.2%) yang gagal dan diarah berhenti. Disamping itu 5207 pelajar telah menduduki peperiksaan untuk kursus-kursus di Pusat Pendidikan Luar dan Pendidikan Jarak Jauh. Daripada jumlah tersebut, 4367 (83.8%) telah lulus dan hanya 840 (16.2%) yang gagal dan diarah berhenti.


Dalam peperiksaan November 1993 pula, seramai 26323 pelajar sepenuh masa telah menduduki peperiksaan. Daripada jumlah tersebut 25535 (97%) telah lulus dan hanya 788 (3%) yang gagal dan diarah berhenti. Disamping itu 5612 pelajar telah menduduki peperiksaan untuk kursus-kursus di Pusat Pendidikan Luar dan Pendidikan Jarak Jauh. Daripada jumlah tersebut, 4668 (83.3%) telah lulus dan hanya 944 (16.7%) yang gagal dan diarah berhenti. (Sila lihat Carta III (a) III (b) III (c) III (d)).

**CARTA III: PEPERIKSAAN**


a) Peperiksaan Mei 1993  
Jumlah Pelajar = 24,964 (Sepenuh Masa)




b) Peperiksaan November 1993  
Jumlah Pelajar = 26,323 (Sepenuh Masa)



c) Peperiksaan Mei 1993  
Jumlah Pelajar = 5,207 (PPL/PJJ)



d) Peperiksaan November 1993  
Jumlah Pelajar = 5,612 (PPL/PJJ)



Pada tahun 1993, Pusat Pendidikan Persediaan (PPP) ITM telah berjaya mencapai kejayaan yang sangat menggalakkan di dalam bidang akademik. Dalam Peperiksaan GCE - A LEVEL 1993, PPP memperolehi pencapaian kelulusan 99.4%. Dalam Peperiksaan SSABSA 1993 (Senior Secondary Assessment Board of South Australia), PPP mencapai kelulusan 96%. Dalam Peperiksaan Akhir NCUK Jun 1993, pelajar Program ITM/NCUK telah mencapai kelulusan 91.7%. Secara keseluruhan, prestasi akademik PPP adalah menggalakkan dan perjalanan tiap-tiap program adalah mantap.

### **Pelajar dan Kakitangan**

Dimensi pendidikan tidak terbatas pada input kurikulum semata. Pembekalan ilmu dan pembentukan sahsiah seharusnya bersepada. Bahagian Hal Ehwal Pelajar membekalkan wahana bagi penyediaan pelajar berwibawa. Sepanjang 1993, sejumlah 208 aktiviti dijalankan oleh persatuan dalaman dimana 172 aktiviti dijalankan di bawah unit-unit kokurikulum dan 36 aktiviti dijalankan dibawah kolej.

Sebanyak 45 jenis kokurikulum ditawarkan. Bermula Julai 1993, kokurikulum ADASI diwajibkan ke atas pelajar semester satu yang gagal ujian fardhu ain. Kokurikulum ASABINA mula dilaksanakan pada Januari 1993.

Selain pelajar, kakitangan adalah warga ITM yang menggerakkan organisasi. Sehingga 31 Disember 1993, terdapat seramai 6,151 orang kakitangan ITM. Pecahan bilangan kakitangan mengikut kumpulan ialah 15 Pegawai Kumpulan Gred Khas, 2638 Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional (2331 Akademik, 307 Bukan Akademik), 1591 Pegawai Kumpulan Sokongan I (109 Akademik, 338 Kategori B, 1144 Kategori C), 1907 Pegawai Kumpulan Sokongan II. Bilangan keseluruhan ini merupakan 96.74% daripada jumlah jawatan yang diperuntukkan kepada Institut. Secara perbandingan, bilangan ini adalah 1.99% kurang berbanding jumlah tahun 1992.

Sepanjang tahun 1993, seramai 83 orang kakitangan telah dinaikkan pangkat yang terdiri daripada 15 Pegawai Kumpulan Gred Khas (Akademik), 22 Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik), 32 Pegawai Kumpulan Sokongan I (7 Kategori B, 25 Kategori C) dan 14 Pegawai Kumpulan Sokongan II (Kategori D). Seramai 212 orang kakitangan telah meninggalkan perkhidmatan di ITM sepanjang tahun 1993. Mereka adalah terdiri daripada 109 Kakitangan Bukan Akademik dan 103 orang Kakitangan Akademik. Daripada

jumlah tersebut 10 orang Kakitangan Akademik dan 20 orang Kakitangan Bukan Akademik dan 9 orang Kakitangan Bukan Akademik telah meninggal dunia.

Pembangunan sumber manusia yang menganggotai secara langsung sesebuah organisasi adalah kritikal. Melalui Bahagian Latihan dan Biasiswa, beberapa program telah diatur seperti Kursus Induksi, Kursus Pendek, Kursus Kenaikan Pangkat, Biasiswa dan sebagainya. Seramai 202 orang kakitangan dari pelbagai kumpulan telah menghadiri Kursus Induksi pada tahun ini.

Penekanan program latihan jangka pendek pada tahun 1993 adalah program yang berbentuk pengurusan dan perkhidmatan teknikal dan automasi serta kursus-kursus motivasi dan pembangunan insan. Daripada ketiga-tiga bentuk kursus tersebut sebanyak 82 kursus telah dianjurkan oleh Bahagian Latihan dan Biasiswa di mana 65 kursus berbentuk pengurusan dan perkhidmatan, 10 kursus berbentuk teknikal dan automasi serta 7 kursus berbentuk motivasi dan pembangunan insan yang melibatkan seramai 3800 staf daripada berbagai peringkat.

Bahagian ini juga menaja seramai 33 orang staf untuk membentangkan kertas kerja di luar negara, manakala seramai 246 orang staf telah mengikuti kursus kenaikan pangkat. Seramai 172 orang telah ditawarkan Biasiswa Staf dan 73 orang ditawarkan Biasiswa Tenaga Pengajar Muda.

### **Pembangunan Fizikal**

Dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan, 1993 menyaksikan usaha gigih ITM membangun aspek fizikalnya. Pada tahun ini, projek yang dirancang sebelumnya dapat dilaksanakan.

Projek di Shah Alam adalah seperti berikut :

Projek	Status
1. Pembinaan infrastruktur	Kemajuan 23%
2. Pusat Bahasa Korea	Akan mula 18.1.1994
3. Bangunan Tambahan KSSR	Analisis perunding
4. Bangunan KSMK	Akan mula Mac 1994
5. Menaik taraf Bengkel Kajian Kejuruteraan	Siap Disember 1993
6. Pusat Inovasi	Reka bentuk
7. Stor Pusat	Reka bentuk
8. Ibu Pejabat Korporat	Reka bentuk

Projek di kampus cawangan adalah seperti berikut :

Projek	Status
1. Cawangan Kelantan	Kemajuan 35%
2. Cawangan Melaka	Siap
3. Cawangan Pahang - Perumahan Kakitangan	Kemajuan 48%
- Bangunan DPIM	Kemajuan 85%
4. Cawangan Perlis	
- Bangunan Tambahan	Siap
5. Cawangan Terengganu	Siap
- Bangunan Tambahan	
6. Cawangan Sarawak	Siap
- Bangunan Tambahan	
7. Cawangan Sabah	Siap
- Bangunan Tambahan	

Selain pembangunan fizikal seperti tersebut di atas, banyak kerja-kerja pengubahaian dan penyelenggaraan telah dapat disempurnakan.

### Kecemerlangan

Penyelidikan dan perundingan adalah bahagian penting dalam meningkatkan kredibiliti sesebuah institusi pengajian tinggi. Walaupun budaya penyelidikan baru bermula di ITM, perkembangannya menggalakkan. Sepanjang tahun 1993 sebanyak 8 projek penyelidikan telah selesai dilaksanakan iaitu 6 projek penyelidikan yang dijalankan pensyarah-pensyarah di kampus induk dan 2 projek penyelidikan di kampus cawangan. Sebanyak 38 projek penyelidikan telah diluluskan sepanjang tahun 1993 iaitu 14 projek penyelidikan dalam bidang Sains dan Teknologi, 9 projek dalam bidang Sains Pengurusan dan 15 projek dalam bidang Sains Kemasyarakatan.

Dibawah mekanisma IRPA sebanyak 16 projek penyelidikan sedang dijalankan. Sebanyak 4 projek penyelidikan Bioteknologi juga sedang dijalankan oleh pensyarah-pensyarah Kajian Sains Gunaan. Sejumlah 4 projek IRPA telah selesai dilaksanakan iaitu 1 projek pada tahun 1992 dan 3 projek pada tahun 1993. Bagi tahun 1994, sebanyak 9 projek penyelidikan baru IRPA telah diluluskan iaitu 6 projek dalam bidang perindustrian dan 3 projek dalam bidang strategik. Sejumlah 2 projek sambungan dalam bidang strategik telah diberi peruntukan tambahan untuk dilaksanakan dalam tahun 1994.

Dari segi perundingan, kepercayaan organisasi luar kepada ITM semakin meningkat dimana sebanyak 23 projek baru telah dimulakan pada tahun 1993. Sebanyak 9 projek disambung dari tahun 1992, sementara terdapat 22 projek

perundingan yang telah selesai dilaksanakan pada tahun 1993 yang juga meliputi ujian-ujian yang dijalankan untuk syarikat-syarikat yang memerlukan perkhidmatan dari masa ke masa. Disamping projek-projek yang dikendalikan oleh Pusat Penyelidikan dan Perundingan, banyak lagi projek yang dikendalikan oleh pusat-pusat kecemerlangan lain seperti Pusat Daya Cipta. (Sila lihat Lampiran A).

Kegiatan perundingan mengeratkan lagi perhubungan antara ITM dan industri yang dimanifestasikan oleh pemetaian memorandum persefahaman dari masa ke masa. Kemuncak kerjasama ITM industri dalam tahun 1993 ialah apabila kerajaan mengiktirafnya melalui ANUGERAH INOVASI PENYELIDIKAN BERSAMA SEKTOR AWAM & SWASTA 1993 hasil daripada penciptaan SISPUKOM oleh ITM dan Business Computers (M) Sdn. Bhd.

Tahun ini juga menyaksikan hasil inovasi ITM seperti berlangsungnya majlis konvokesyen Program Diploma in Estate Management (ITM/BPLK) di Indonesia pada 24 Julai 1993. Juga, buat julung kalinya sebuah institusi pengajian tinggi, ITM, mempunyai stesen radionya sendiri yang mula beroperasi pada November 1993.

### Menangani 1994

Identiti ITM sebagai IPT yang inovatif mesti diperkuuhkan. Kita tahu bahawa ITM adalah IPT pertama di Malaysia yang menubuhkan makmal ICASE (Integrated Computer-Aided Software Engineering) dan yang pertama mengajar aplikasi RDBMS iaitu Oracle. Kita juga berbangga bahawa walaupun IPT lain juga mempunyai Fakulti Perniagaan, hanya ITM mampu menawarkan bidang-bidang strategik yang tidak ditawar pihak lain seperti Operations Management, Retailing, Risk Management, Insurance, Human Resource dan Investment Analysis. Tradisi begini mesti diteruskan.

Tahun 1993 menyaksikan usaha pengkomputeran seluruh ITM. Sejumlah RM 5.7 juta telah pun dibelanjakan untuk maksud tersebut. Bagi tahun-tahun berikut, tiada pilihan lain selain daripada meningkatkan teknologi komputer di ITM jika kita mahu berlaku adil terhadap nama ITM sebagai institut TEKNOLOGI.

Gabungan inovasi dan teknologi yang bersalutkan kualiti akan menempatkan ITM dihadapan dalam menuju Wawasan 2020. Tahun 1994 akan menyaksikan pendekatan pengurusan kualiti menyeluruh (Total Quality Management)

di ITM yang sekaligus menjadikan ITM unik lantaran mengamalkan TQM dalam konteks pengurusan pendidikan tinggi, Insya Allah.

Akhir kata, dirakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak diluar ITM dan seluruh warga ITM kerana telah memenuhi 1993 dengan usaha penuh erti. Semoga Allah S.W.T. memberkati usaha kita.



**Ir. Haji Ahmad Zaidee bin Haji Ladin KMN**  
Dip. in Elect. Eng. (Brighton), M. Sc. in Tech.  
Econ. (Stirling)  
P. Eng., F.I.E.M., C. Eng. (UK), M.I.E.E. (UK),  
M.M.S. (UK)  
Pengarah

**LAPORAN KAJIAN/PUSAT  
DAN  
KAMPUS CAWANGAN**

---

## KAJIAN PERAKAUNAN

---

### Pendahuluan

Tahun 1993 adalah merupakan tahun yang aktif bagi Kajian Perakaunan. Di sepanjang tahun ini Kajian terus berkembang dari segi pertambahan bilangan pelajar dan aktiviti-aktiviti akademiknya.

Usaha gigih ini telah memberi hasil apabila Kajian berjaya mengembangkan kursus Diploma Perakaunan di ITM Melaka dan ITM Perak mulai semester Januari 1994. Dengan kejayaan ini kursus Diploma Perakaunan telah dikendalikan oleh semua kampus di cawangan kecuali ITM Pahang dan Sabah.

Menyedari pentingnya pembangunan manusia, Kajian telah melaksanakan berbagai-bagai aktiviti seperti menganjurkan seminar, kursus, bengkel dan menjemput penceramah daridalam dan luar ITM untuk kakitangan dan para pelajar. Diantaranya ialah Bengkel Pendebatan Pengajaran Mata Pelajaran Percukaian, Seminar 'Excellence In Accounting', Bengkel Kaedah Pengajaran Costing, Bengkel Kaedah Pengajaran Financial Management dan lain-lain.

Selain dari itu, kakitangan Kajian telah terlibat dalam menganjurkan satu konferensi bertaraf antarabangsa bertajuk 'The Third South-East Asian University Accounting Teachers Conference' pada 26 hingga 28 Mei 1993 di Kuala Lumpur. Konferensi ini dikendalikan dengan usahasama Persatuan Akademik Perakaunan Malaysia (PAPM).

Sebagai usaha merapatkan hubungan antara Kajian dan agensi luar, para akademik Kajian sentiasa memberi khidmat kepada mereka melalui ceramah, pembentangan kertas kerja dan misi akademik. Beberapa siri lawatan akademik juga telah dilakukan oleh pensyarah dan pelajar untuk mendapat lebih pendedahan dan pengalaman.

Kajian merasa bangga di atas kejayaan tiga orang Pensyarah iaitu Puan Rodziah Abd. Samad, Ketua Kursus Diploma Perakaunan yang menerima anugerah emas Standard Chartered Bank berikutan kejayaannya sebagai graduan cemerlang dalam Program Ijazah Sarjana Pentadbiran dan Perniagaan (MBA) UKM bagi tahun 92/93. Tempat kedua dan ketiga bagi

program yang sama juga dimenangi oleh pensyarah iaitu Puan Tew Yeo Hoo dan Cik Pok Wee Ching.

Di samping itu lima orang pelajar Kursus Diploma Lanjutan Perakaunan yang mewakili ITM telah menjadi juara dalam pertandingan 'Management Games' di peringkat kebangsaan. Pertandingan ini telah dianjurkan oleh USM dan disertai oleh enam kumpulan dari institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Teknologi maklumat merupakan fenomena masa kini. Menyedari hakikat ini, Kajian di dalam proses menerapkan penggunaan komputer secara bersepadu serta pendidikan terkini ke dalam amalan serta kurikulumnya.

Dalam perancangan ini, Dekan telah membuat lawatan ke United Kingdom pada bulan Februari 1993 dan ke Singapura pada bulan November 1993 untuk meninjau dan mendapat pendedahan teknologi yang terkini dari institusi pengajian tinggi di negara tersebut.

### Kursus yang dijalankan

#### Sepenuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AC 10	Diploma Perakaunan (DIA)
AC 20	Diploma Lanjutan Perakaunan (ADIA)
AC 20	Pra-ADIA

#### Sepuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AC 10	Diploma Perakaunan (DIA)
AC 20	Diploma Lanjutan Perakaunan (ADIA)
AC 20	Pra-ADIA

#### Penerbitan/Penterjemahan

Sila lihat Lampiran B

#### Pembentangan Kertas Kerja

Sila lihat Lampiran C

#### Panel Penasihat Akademik Dan Pemeriksa Luar

#### Panel Penasihat Akademik

1. YM Raja Arshad b. Raja Tun Uda  
Executive Chairman  
Price Waterhouse
2. Tuan Haji Abd Rahim b. Hamid  
Pengurus Besar  
Coopers & Lybrand

3. Encik Ab Razak b. Ab Lah  
Pensyarah  
Universiti Utara Malaysia
4. Tuan Haji Md Yusof b. Hussin  
Pengurus Besar  
Bahagian Perkhidmatan  
Korporat Bangunan PNB
5. Encik Mohamed b. Abdul Wahab  
Group Internal Auditor  
UMW Corporation Sdn Bhd
6. Tuan Haji Abdul Samad b. Haji Alias  
Pengurus Besar  
Arthur Anderson & Co.
7. Prof. Madya Dr. Barjoyai b. Bardai  
Associate Professor  
Universiti Kebangsaan Malaysia
8. Encik Abdul Halim Mohyiddin  
Rakankongsi  
KPMG Peat Marwick
9. Encik Mohd Alam Rahman  
Pengurus Besar  
Perwira Habib Bank

#### **Pemeriksa Luar**

Prof. Mike Harvey  
Vice President Of The Chartered Association  
Certified Accountants (ACCA)  
London Guildhall University  
United Kingdom

#### **Pensyarah Pelawat**

Mr. David Smith  
Dean, School of Accountancy  
Law & Management  
University of Huddersfield  
United Kingdom

---

## **KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA**

---

#### **Pendahuluan**

Mulai bulan Januari 1993, Kajian Seni Lukis dan Seni Reka (KSSR) telah memperkenalkan satu kursus baru iaitu Diploma Teknologi Percetakan. Kursus selama empat tahun ini dimulakan dengan pengambilan seramai 29 orang pelajar. Kajian Seni Lukis dan Seni Reka juga menyambut kehadiran Dekan dan Timbalan Dekan yang baru. Dr. Muhamad Tamyez Haji Bajuri dilantik sebagai Dekan mulai 1 Februari 1993

menggantikan Encik Dzul Haimi Md. Zain yang mengikuti program Ph. D di luar negeri dan Encik Ahmad Khiri Md. Zain pula mengambil alih jawatan Timbalan Dekan daripada Dr. Abdul Shukor Hashim mulai tarikh yang sama.

Urusan penyemakan kurikulum dan cadangan penubuhan kursus baru diteruskan lagi pada tahun 1993. Kursus-kursus yang disemak kurikulumnya ialah Seni Reka Grafik, Seni Reka Logam Halus, Seni Reka Fesyen dan Seramik. Kajian Seni Lukis dan Seni Reka juga mencadangkan penubuhan kursus Seni Reka Perabot untuk menambah bilangan kursus yang sedia ada.

Kajian Seni Lukis dan Seni Reka amat merasa bangga kerana dilantik sebagai Jawatankuasa Pengajur Hari Keluarga ITM bagi tahun 1993. Peristiwa yang menarik dan penuh bermakna itu telah berlangsung dengan meriahnya di Danau Perikanan, Bukit Cahaya Sri Alamp pada 28 Ogos 1993 dan dirasmikan oleh Y.A.B. Tan Sri Muhammad b. Haji Muhd. Taib, Menteri Besar Selangor. Berbagai acara menarik telah diadakan serta diserikan dengan penyertaan maskot berunsurkan flora dan fauna ciptaan pelajar-pelajar Kajian Seni Lukis dan Seni Reka sendiri. Berdasarkan tema 'Bersama Di Taman Harmoni' sambutan Hari Keluarga ITM 1993 telah disambut dengan meriahnya oleh seluruh kakitangan dan keluarga ITM.

Selain daripada itu maskot KSSR turut mengambil bahagian dalam acara sambutan Hari Kebangsaan 1993 di Dataran Merdeka.

Seperti di tahun-tahun yang lepas, Kajian Seni Lukis dan Seni Reka masih menjadi tumpuan pelawat tempatan dan luar negeri. Di antara tetamu yang mengunjungi Galeri Seni Kajian Seni Lukis dan Seni Reka ialah Minister for Employment, Education and Training, Australia; Isteri Presiden Filipina; Isteri TYT Presiden Hungary; anak perempuan Perdana Menteri Ireland; wakil Jepun Design Foundation; pegawai-pegawai Muzium Negeri, Padang, Indonesia dan pelawat-pelawat dari institusi pengajian tinggi yang lain serta sekolah-sekolah dari seluruh negara.

Mengadakan pameran adalah salah satu aktiviti tetap Kajian. Di antara pameran yang dianjurkan pada tahun 1993 ialah Pameran dan Bengkel Seni Lukis oleh Prof. Hubert Aratym dari Australia; Pameran MJCA 1993, Pameran 'Konsep Kereta Malaysia'; Pameran 'Ekspos Pendidikan Tinggi'; Pameran ILHAM '93 di Galeri Petronas

dan Pameran Fotografi Antarabangsa University of Central England di Galeri Shah Alam. Selain daripada itu Kajian amat bermakna kerana dijemput untuk mengadakan pameran di De Montfort University, United Kingdom sempena lawatan Ratu Elizabeth di universiti tersebut.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, beberapa orang pensyarah dan pelajar KSSR telah berjaya memenangi hadiah utama pertandingan-pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang disertai. Antaranya ialah Pertandingan Fotografi Sempena Kempen 10 tahun Pembersihan Sungai Kelang; Pertandingan Fotografi Dokumentasi Malaysia; Pertandingan "Diamond International Award" dan lain-lain lagi. Di samping itu beberapa orang pensyarah dan pelajar Jabatan Muzik telah memenangi beberapa pertandingan antaranya Pertandingan Mencipta lagu Dakwah '93 anjuran DBKL dan Pertandingan Merdekarama '93 anjuran RTM.

### Kursus Yang Dijalankan

#### Sepenuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AD 10	Diploma Seni Lukis & Seni Reka Tahun Satu
AD 11	Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seni Reka Grafik)
AD 12	Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seni Reka Tekstil)
AD 13	Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seni Reka Logam Halus)
AD 14	Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seni Reka Perindustrian)
AD 15	Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seramik)
AD 16	Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seni Reka Fesyen)
AD 17	Diploma Fotografi
AD 18	Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seni Halus)
AD 19	Diploma Muzik
AD 20	Diploma Teknologi Percetakan
AD 30	Diploma Pendidikan Seni

#### Penerbitan

Sila lihat Lampiran B

#### Pembentangan Kertas Kerja

Sila lihat Lampiran C

### Panel Penasihat Akademik Dan Pemeriksa Luar

#### Panel Penasihat Akademik

1. Encik Ali b. Mohamad  
Associate Creative Director  
Ogilvy & Mather Sdn. Bhd.  
Tingkat 8, Wisma MCIS, Jalan Barat  
46200 Petaling Jaya
2. Encik Ismail b. Mustam  
Managing Director  
Ismail Associates Sdn. Bhd.  
Damansara Utama  
47400 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan
3. Hajah Fatimah bt. Ismail  
Director  
College of Visual Arts  
54-1 Jalan 15/4  
47500 Subang Jaya  
53100 Kuala Lumpur
4. Dr. Mustazah b. Ahmadon  
Ketua  
Bahagian Sadur Letrik  
SIRIM, Peti Surat 35  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan
5. Encik Anuar b. Yahya  
Chairman/Chief Executive  
Kelantan Diamond Polishing  
Marketing Sdn. Bhd.  
Wisma KDP, 274, Jalan Bandar II  
Taman Melawati  
53100 Kuala Lumpur
6. Encik Suleiman bin Mohd. Salleh  
Design Consultant  
SULIK Design Consultants  
85A, Jalan 14/1  
47500 Subang Jaya  
Selangor Darul Ehsan
7. Yg. Bhg. Dato' Mustafa b. Mansor  
Managing Director/Chief Executive  
Rolnic Ceramics Sdn. Bhd.  
No. 8 Mezzanine Floor  
Jalan Tun Sambanthan 3  
50470 Brickfields  
Kuala Lumpur
8. Encik Iskandar b. Jalil  
Lecturer  
School of Design  
501 Sterling Road Campus  
Singapore 0314
9. Mr. Nigel Woodward Court  
Assistant General Manager  
Taifab Garment Sdn. Bhd.  
P.O. Box 11, Kemunting  
Industrial Estate  
34600 Kemunting  
Perak

10. Cik Fern Miriam Helfand  
Visiting Lecturer  
Pusat Seni  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Minden  
Pulau Pinang
11. Tuan Syed Ahmad b. Jamal  
Free Lance  
Lot 1085, KM 12.5  
Sungai Cincin  
53100 Gombak  
Selangor
12. Dr. Tan Sooi Beng  
Pensyarah  
Pusat Seni  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Minden  
Pulau Pinang
13. Encik Johari b. Salleh  
Pengarah Muzik  
Bahagian Pembangunan Sosial dan  
Masyarakat  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
Jalan Raja Laut  
50300 Kuala Lumpur
14. Tuan Haji Ahmad Rushdi b. Abdul Rahman  
Consultant  
Utusan Security Printers Sdn. Bhd.  
Jalan Chan Sow Lin  
50554 Kuala Lumpur
15. Tuan Haji Ghazali b. Jani  
Ketua Pengarah Percetakan  
Jabatan Percetakan Negara Malaysia  
Jalan Chan Sow Lin  
50554 Kuala Lumpur
4. Puan Hajah Fatimah bt. Dato' Ismail  
Pengarah  
College of Visual Arts  
54-1 Jalan SS 15/4  
Petaling Jaya
5. Encik Meer Sadek b. Habib Mohamad  
Managing Director  
Habib Jewels Sdn. Bhd.  
15 A Semua House  
Jalan Bonus 6  
50100 Kuala Lumpur
6. Puan Siti Fauziah bt. Haji Abd. Kadir  
Design Coordinator  
Selangor Pewter Co. Sdn. Bhd.  
4 Jalan Usahawan Enam  
Kawasan Perindustrian Setapak  
Jalan Genting Kelang  
53200 Kuala Lumpur
7. Encik Md. Amin b. Putih  
Timbalan Pengurus Kanan  
Jabatan Reka Bentuk & Pembangunan  
Bahagian Styling  
Proton Hicom Industrial Estate  
Batu 3, P.O. Box 7100  
40918 Shah Alam
8. Encik Thomas Sickinger  
147 B, Jalan 2/70 A  
Sri Harta Mas, 50480 Kuala Lumpur
9. Encik Sulaiman b. Mohd. Salleh  
Indusrtial Design Consultant  
Sulik Design Consultant  
85 A Jalan 14/1  
47500 Subang Jaya
10. Encik Iskandar b. Jalil  
Pensyarah  
School Of Design  
Temasek Polytechnic  
Sterling Road Campus  
501 Sterling Road  
Singapore 1441
11. Encik Akira Matsumoto  
Pegawai Perunding  
D/A Aw Eng Kwang Poteri Studio  
13 Kampong Macap  
86200 Simpang Renggam
12. Abdullah b. Hj. Abdul Rahman  
Pengarah Pembangunan  
Perbadanan Kemajuan  
Kraftangan Malaysia
13. Puan Normah bt. Norell  
Image Consultant  
46, Jalan Setia Jaya  
Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur

#### **Pemeriksa Luar**

1. Encik Ismail b. Mustam  
Pengarah Urusan  
Ismail Siraj Associates  
61 A & B Jalan 21/37  
Damansara Utama  
Adalah menjadi matlamat Pusat Sistem Maklumat Bersepadu (PSMB) agar kesemua sistem maklumat yang telah dibangun dan akan dibangunkan di ITM mestilah secara bersepadu. Dengan lain perkataan ianya akan mewujudkan suatu suasana di mana seseorang pengguna itu boleh dengan mudahnya mendapatkan maklumat yang dibenarkan bagi setiap sistem aplikasi melalui setiap terminal.

Disamping itu pusat ini juga bertanggungjawab menentukan bahawa semua Kajian di Shah Alam dan Kampus Cawangan mempunyai kemudahan komputer yang mencukupi bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran demi melahirkan lulusan yang berpengetahuan teknologi maklumat.

### **Jawatankuasa**

Untuk mengurus, memperkembang dan memperluaskan penggunaan komputer ke semua peringkat pembelajaran dan pentadbiran ITM telah menujuhkan sebuah lembaga iaitu Lembaga Perancangan dan Pengurusan Komputer (LPPK) bagi menentukan dasar perolehan dan penggunaan komputer.

Lembaga tersebut dibantu oleh dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Penilaian Penggunaan Komputer (JPPK) dan Jawatankuasa Teknikal Komputer (JTK). JPPK berfungsi sebagai penilai keperluan dan penggunaan komputer di ITM manakala JTK menentukan spesifikasi komputer, sebutharga dan membuat perakuan di dalam proses tender pembelian perisian dan perkakasan komputer.

### **Perolehan Komputer**

Dalam tahun 1993 sebanyak RM2.98 juta telah dibelanjakan untuk perolehan komputer akademik, manakala RM 1.93 juta bagi perbelanjaan komputer pentadbiran.

Antara perolehan komputer akademik yang besar ialah untuk:

1. Kajian Seni Lukis dan Seni Reka (KSSR)
2. Kajian Perniagaan dan Pengurusan (KPNPG)

3. Makmal Pusat Sumber Pembelajaran dan Pengajaran (PSPP)
4. Kajian Sains Matematik dan Komputer (KSMK)
5. Kajian Kejuruteraan (KKJ)
6. Kajian Seni Bina Perancangan dan Ukur (KSPU)
7. Kajian Sains Kesetiausahaannya (KSS)
8. Jabatan Percetakan (KSSR)
9. Pencetak (Shah Alam dan Cawangan)

Manakala perolehan komputer pentadbiran ialah untuk:

1. Sistem Aplikasi Kewangan
2. Unit Arkib
3. Pencetak (Shah Alam dan Kampus Cawangan)
4. Sistem Aplikasi Staf
5. Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan

Beberapa perolehan terpaksa ditangguh ke tahun 1994 kerana kesuntukan masa di antaranya:

1. Kajian Seni Lukis dan Seni Reka (Grafik)
2. Pusat Pendidikan Persediaan (PPP/ITM)
3. MBA/EMBA
4. Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat

### **Projek Komputer Dan Penyelenggaraan**

Disamping menyelenggara Sistem Aplikasi yang sedia ada, Pusat Sistem Maklumat Bersepadu (PSMB) juga terlibat dengan beberapa projek pengkomputeran seperti:-

1. Sistem Aplikasi Kewangan (5 modul)
2. Sistem Penilaian Prestasi Staf di bawah SSB
3. Terlibat diperingkat awal untuk membangun sistem aplikasi bagi Sukan Korporat Sedunia (World Corporate Games)

4. Cadangan Projek Sukan Malaysia (SUKMA) di Perak
5. Penyelenggaraan PC di Shah Alam dan Kampus Cawangan

### Kursus

Kebanyakan kursus dan latihan yang diselaras oleh Pusat Sistem Maklumat Bersepadu adalah dianjurkan oleh syarikat yang memenangi tender yang berkaitan dengan perolehan komputer.

Disamping itu juga sepanjang tahun 1993 terdapat beberapa kursus dikendalikan oleh Pusat Sistem Maklumat Bersepadu iaitu:

1. Kursus MS-Windows dan PC Disk Management untuk semua Juruanalisa Sistem, Pengatur Program Komputer dan Pembantu Makmal selaku wakil zon penyelenggaraan komputer peribadi pada 1, 2, 5, 7 Julai 1993. Manakala Kampus Cawangan dianjurkan pada tarikh yang lain. Kursus ini adalah anjuran bersama dengan syarikat Pan Global Sistem Laju Sdn. Bhd.
2. Kursus Penyelenggaraan Makmal Komputer Lanjutan untuk Pembantu Makmal pada 6 hingga 9 Disember 1993.
3. Kursus penggunaan sistem aplikasi Penilaian Prestasi Kakitangan (SSB) kesemua Cawangan dari November hingga Disember 1993. Ianya diadakan dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan Pejabat Pendaftar.

### Kakitangan

Bilangan kakitangan yang berkhidmat di Pusat ini ialah seramai 88 orang termasuk 11 orang kakitangan kontrak dan 18 orang kakitangan harian.

Seramai tiga orang kakitangan yang terdiri daripada Juruanalisa Sistem, Pegawai Perangkaan dan Pengatur Program Komputer melanjutkan pengajian dalam tahun ini.

Kakitangan yang berhenti pula ialah seramai 5 orang termasuk empat orang kakitangan kontrak.

---

## PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)

---

### Pendahuluan

Pada tahun 1993, Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC) masih meneruskan usaha mengendalikan rancangan pendidikan, penyelidikan dan penyelenggaraan Khidmat Perunding Keusahawanan sesuai dengan matlamat penubuhannya iaitu:

- i) Untuk melahir dan membangunkan usahawan bumiputera yang berilmu serta mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan membolehkan mereka bergiat dengan lebih berkesan.
- ii) Untuk membangunkan enterprais bumiputera yang berdaya maju dan mampu bersaing dalam perdagangan dan perindustrian.
- iii) Untuk membangunkan prasarana pengajian keusahawanan yang unggul.

Disamping menjalankan aktiviti-aktiviti yang sedia ada, MEDEC telah meluaskan aktivitinya di peringkat antarabangsa. Sebagai sebuah "Lead Agency" di sektor awam, MEDEC telah diberi kepercayaan oleh pihak UNDP untuk mengendalikan beberapa program keusahawanan bagi peserta-pesertawanita yang akan mencebur ke dalam pemprosesan makanan.

### Program Yang Dikendalikan

1. **Jabatan Latihan Keusahawanan**
  - i. Program Pembangunan Keusahawanan (EDP)
  - ii. Program Keusahawanan Siswazah (GEP)
  - iii. Program Skim Galakan Kakitangan Kerajaan (A, B, C & D)
  - iv. Kursus Jurulatih Keusahawanan, Motivasi dan Perundingan
2. **Jabatan Pendidikan Keusahawanan**
  - i. Kursus Keusahawanan Intensif (KKI)
  - ii. Asas Keusahawanan (ETR 300)
  - iii. Kembara Usahawan (KEMUSA)

iv.	Pertandingan Keusahawanan	13. Skim Perniagaan 16/8/93 - 18/12/93	23
v.	Program Jurulatih Pensyarah ETR 300	Bagi Kakitangan Kerajaan Siri Ke-11	
vi.	Ekspo Keusahawanan		
vii.	Seminar Keusahawanan		

### 3. Jabatan Sumber dan Maklumat

- i. Pengumpulan Maklumat Keusahawanan
- ii. Pameran Keusahawanan
- iii. Penerbitan Keusahawanan

### 4. Jabatan Pembangunan Enterprais

- i. Program Susulan
- ii. Kursus Peningkatan Perniagaan
- iii. Khidmat Nasihat dan Perundingan Perniagaan
- iv. Program Galakan Keusahawanan
- v. Penyelidikan
- vi. Seminar Sehari
- vii. Kolokium Tahunan MEDEC

### Kursus Yang Dijalankan

#### Sepenuh Masa

Kursus	Tempoh Kursus	Jumlah Peserta
1. PKEN-Johor 3	11/1/93 - 13/2/93	15
2. SELANGOR 5 (EDP)	8/12/5/93 - 17/6/93	26
3. EDP 87	9/8/93 - 30/9/93	29
4. WIFPI	7/6/93 - 28/7/93	12
5. SABAH 2 (EDP) 89	9/8/93 - 10/9/93	35
6. SARAWAK 1 (EDP) 90	26/7/93 - 25/8/93	17
7. JOHOR 4 (EDP) 91	1/11/93 - 26/11/93	21
8. Kakitangan ITM (EDP) 92	8/11/93 - 21/12/93	23
9. KELANTAN (EDP) 93	4/12/93 - 29/12/93	22
10. KKI Siri Ke-6	28/12/92 - 20/2/93	14
11. KKI Siri Ke-7	22/6/93 - 14/8/93	13
12. Skim Perniagaan Bagi Kakitangan Kerajaan Siri Ke-10	20/11/92 - 20/2/93	21

#### Separuh Masa

Kod Kursus	Kursus
KMS 106	Ko-KEMUSA (Bahagian 1)
KMS 156	Ko-KEMUSA (Bahagian 2)
KKR 205	Ko-KEMUSA (Bahagian 3)

#### Penerbitan/Penterjemahan

Sila lihat Lampiran B

#### Pembentangan Kertas Kerja

Sila lihat Lampiran C

## PUSAT PENDIDIKAN PERSEDIAAN

#### Pendahuluan

Pada tahun 1993, Pusat Pendidikan Persediaan, ITM telah berjaya mencapai kejayaan yang sangat menggalakkan dalam bidang akademik, sukan dan juga aktiviti pelajar.

Di dalam bidang akademik, Program A LEVEL misalnya di dalam Peperiksaan GCE - A LEVEL 1993 memperolehi pencapaian yang amat baik sekali di mana peratus kelulusan ialah 99.4% dan seramai 19 orang pelajar memperolehi 15 poin (3A). Program AUSMAT pula, di dalam Peperiksaan SSABSA 1993 (Senior Secondary Assessment Board of South Australia) mencapai 96% dengan 8 orang pelajar berjaya memperolehi 4A dan 10 orang pelajar memperolehi 3A. Di dalam Peperiksaan Akhir NCUK Jun 1993, para pelajar Program ITM/NCUK telah mencapai 91.7%. Secara keseluruhan, prestasi akademik Pusat Pendidikan Persediaan adalah menggalakkan dan perjalanan tiap-tiap program adalah mantap.

Di dalam acara sukan, kampus ini telah berjaya menjadi Naib Johan Sukan Matrikulasi Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 1993. Disamping itu, pelajar-pelajar kampus ini juga telah dipilih mewakili ITM ke Kejohanan MASUM 1993.

Disamping cemerlang di dalam akademik dan sukan, pelajar-pelajar Pusat ini juga telah membuktikan kebolehan di dalam aktiviti pelajar

dengan menggondol beberapa Kejuaraan Antarabangsa.

- a) Johan 'Inter Varsity TESL - ESL Debate - Februari 1993'  
(Piala Tan Sri Datuk Wira Abd Rahman Arshad)
- b) Johan 'The Earth's Day Debate - Mac 1993'  
(Piala Pengarah MSM Kuantan)
- c) Naib Johan - 'The Battle of Wits 1993'

Pusat Pendidikan Persediaan turut berasa bertuah apabila 2 orang pelajar dari Program TESL telah dipilih sebagai wakil pelajar Malaysia ke 'XIV World University Debating Championship 93/94' di Melbourne, Australia.

### **Program-Program Akademik**

Program-program Akademik yang dikendalikan oleh Pusat Pendidikan Persediaan adalah seperti berikut:-

1. Program A LEVEL
2. Program AUSMAT (Australian Matriculation)
3. Program DPT (Dasar Pandang Ke Timur)
4. Akademik Korea
5. Program ITM/NCUK (Northern Consortium United Kingdom)
6. Program ITM/MUCIA (Midwest Consortium of International Activities)
7. ADP (American Degree Programme)
8. Program Matrikulasi Perancis
9. Program TESL (Teaching English As A Second Language)

### **Kursus**

Pada tahun ini berbagai kegiatan akademik seperti bengkel, seminar dan ceramah yang berkaitan dengan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan diadakan. Disamping aktiviti akademik ini, Pusat Pendidikan Persediaan juga turut mengendalikan kursus-kursus untuk pembangunan pelajar seperti Bina Insan, "Peer - Counselor", Kepimpinan dan Organisasi.

Kursus-kursus yang dianjurkan di sepanjang tahun 1993 untuk staf akademik dan pentadbiran adalah seperti berikut:-

<b>Tajuk</b>	<b>Tarikh</b>
1. Bengkel Pengendalian Program-Program Latihan PPP, ITM	15/01/1993
2. Bengkel Pengurusan Bersepadu	15/03/1993
3. Kursus 'Introduction to Microprocessor Systems And The 68000 Microprocessor	15-18/03/1993
4. Aplikasi Pengkalan Data (Kursus 1)  CD-ROM di Perpustakaan (Kursus 2) 18 - 20/10/1993 (Kursus 3)	12-14/04/1993  12-14/07/1993 18 - 20/10/1993 03 - 17/10/1993
5. Ceramah 'Islamic Unit Trustfund'	08/05/1993
6. Bengkel Pemerosesan Perkataan, Lembaran Kerja dan Pengkalan Data	13 - 22/05/1993 12 - 26/06/1993 03 - 17/10/1993
7. Ceramah 'Peranan Kakitangan Dalam Sesuatu Organisasi'	15/03/1993
8. Ceramah 'How to Achieve Job Satisfaction'	22/05/1993
9. Kursus Pengendalian Macintosh	17 - 19/05/1993
10. Kursus Pembangunan Kakitangan	20 - 23/05/1993
11. Kursus Ulangkaji Tugas dan Kawad Kaki	24 - 27/05/1993
12. Bengkel Kaunseling dan Psikologi Remaja	23 - 25/06/1993
13. Kursus Penterjemahan dan Penulisan	26/07-07/08/1993
14. Kursus Kemahiran Pengembangan Latihan (Kumpulan A)	10 - 14/08/1993
15. Kursus Penghayatan Pendidikan Bersepadu	18 - 21/08/1993 23 - 26/08/1993 02 - 05/09/1993
16. Kursus Asas Kaunseling	07 - 08/09/1993 24 - 25/09/1993
17. Bengkel Pemantapan Pengurusan Pelajar	17 - 19/09/1993

18.	Kursus Asas Pengurusan Akaun	14 - 18/10/1993
19.	Ceramah 'Technology and Society'	16/10/1993
20.	Ceramah 'Computers and People with Disabilities'	20/10/1993
21.	Kursus Kemahiran Perpustakaan	27 - 30/10/1993
22.	Kursus Penghayatan Pendidikan Bersepadu (Untuk Pensyarah Bukan Islam)	28 - 31/10/1993
23.	Kursus Pengurusan Masa	28 - 29/10/1993
24.	Kursus Fasilitator	19/11/1993
25.	Ceramah 'Software Piracies in Malaysia'	24/11/1993
26.	Ceramah 'Computer Networks and the Internet'	27/11/1993
27.	Kursus Ulangkaji Tugas Keselamatan dan Kawad Kaki	24 - 27/11/1993
28.	Kursus Pengembangan Latihan (Kumpulan B & C)	01 - 04/12/1993
29.	Ceramah 'Technology in the Classroom'	04/12/1993
30.	Bengkel 'Developing Skills In Research and Consultancy'	06 - 08/12/1993
31.	Bengkel Pengurusan Akademik	12 - 15/12/1993
32.	Kursus Khemah Latihan Ibadah Dan Ketahanan Diri	17 - 19/12/1993

#### **Penerbitan/Penterjemahan**

Sila lihat Lampiran B

#### **Pembentangan Kertas Kerja**

Sila lihat Lampiran C

---

## **BIROTEKS**

---

#### **Pendahuluan**

Biroteks telah berpindah ke pejabat baru yang telah diubahsuai pada bulan Februari 1993. Ini merupakan perubahan fizikal yang amat ketara

bagi Biroteks di mana keadaan pejabat telah diubahsuai ini menjadikan suasana tempat kerja yang lebih baik berbanding dengan pejabat lama. Dengan ruang pejabat yang lebih luas, Biroteks dapat mewujudkan sebuah pusat latihan komputer dalam bidang penerbitan yang dinamakan Pusat DTP (Desk-Top Publishing). Pusat ini dijangka memulakan operasi pada tahun 1993, walau bagaimanapun, operasi pusat ini ditunda ke awal tahun 1994 kerana peralatan yang diperlukan masih diperincangat tender.

Selain daripada perubahan fizikal, Biroteks telah kehilangan dua orang kakitangan yang telah ditawarkan jawatan lain iaitu Puan Shak Banon Yusoff, Pembantu Percetakan Rendah telah ditawarkan jawatan Pelukis Grafik dan Cik Rozanah Mohd. Nor, Jurutaip (Harian) yang telah ditawarkan sebagai Jurutaip tetap dan kini bertugas di jabatan yang lain di ITM.

Dalam tahun 1993, Biroteks berjaya menerbitkan sembilan judul penerbitan iaitu tujuh merupakan karya asal dan dua karya terjemahan. Tahun ini juga Biroteks telah terlibat sebagai Urusetia Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Kali Ke-4 yang telah diadakan di Hotel ITM pada 16 - 18 November 1993. Ini merupakan salah satu usaha Biroteks ke arah penglibatan dalam bidang terjemahan di peringkat antarabangsa di samping memperkenalkan Institut ini kepada negara-negara luar.

#### **Penerbitan/Penterjemahan**

Sila lihat Lampiran B.

#### **Pembentangan Kertas Kerja**

Sila lihat Lampiran C.

---

## **PUSAT SUMBER PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

---

#### **Pendahuluan**

Sepanjang tahun 1993, Pusat Sumber Pengajaran dan Pembelajaran (PSPP) masih meneruskan fungsi utamanya iaitu mengadakan latihan untuk kakitangan akademik Institut dalam usaha meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

#### **Latihan**

Pada tahun ini juga Pusat Sumber Pengajaran

dan Pembelajaran telah berjaya menganjurkan 26 kursus termasuk 2 kumpulan Kursus Asas Pengajaranyang dihadiri oleh seramai 614 orang kakitangan akademik diseluruh sistem ITM.

Kursus-kursus yang dianjurkan adalah seperti berikut:

Tajuk	Tarikh	
1. 'The Whole System Learning Method of Instruction' Pusat Bahasa	1 - 4/2/1993	
2. 'The Whole System Learning Method of Instruction' Kajian Kejuruteraan	8 - 10/2/1993	
3. 'The Whole System Learning Method of Instruction' Kajian Sains Matematik dan Komputer	11 - 13/2/1993	
4. 'The Whole System Learning Method of Instruction' ITM Cawangan Johor	15 - 17/2/1993	
5. Bengkel Pembelajaran dan Pengajaran Kimia	16 - 17/2/1993	
6. 'The Whole System Learning Method of Instruction' Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang dan Sebaran Am	1 - 3/3/1993	
7. 'The Whole System Learning Method of Instruction' Kajian Perakaunan	4 - 6/2/1993	
8. 'The Whole System Learning Method of Instruction' Kajian Seni Bina, Perancangan dan Ukur	8 - 10/2/1993	
9. 'The Whole System Learning Method of Instruction' Pusat Bahasa	15 - 20 Mac 1993	
10. 'The Whole System Learning Method of Instruction' Kajian Sains Kesetiausahaan, Sains Perpustakaan dan Maklumat dan Pusat Pendidikan Luar	1 - 3/4/1993	
11. 'The Whole System Learning Method of Instruction' ITM Cawangan Melaka		
12. 'Accelerated Learning (Suggestopedia) An Education and Training Challenge'		5 - 8/4/1993
13. 'The Whole System Learning Method of Instruction' Kajian Sains Gunaan		12 - 14/4/1993
14. 'The Whole System Learning Method of Instruction' Kajian Perniagaan dan Pengurusan		15 - 17/4/1993
15. 'The Whole System Learning Method of Instruction' Kajian Seni Lukis dan Seni Reka		19 - 21/4/1993
16. 'The Whole System Learning Method of Instruction' Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan		26 - 28/4/1993
17. Asas Pengajaran Kumpulan I		14 - 19/6/1993
18. Asas Pengajaran Kumpulan II		21 - 26/6/1993
19. Kursus Teknologi Komputer		28/6 - 2/7/1993
20. Kelas Intensif Bahasa Sepanyol (pelajar)		7/6 - 3/7/1993
21. Kelas Intensif Bahasa Sepanyol (pensyarah)		28/6 - 29/7/1993
22. Bengkel Matematik Kajian Sains Gunaan		23 - 24/8/1993
23. 'Pre EXCEL'		15 - 16/9/1993
24. 'Personality Type: Implications for Learning and Teaching'		6 - 13/10/1993
25. 'Mastering Peak Performance'- through Intergrative Learning (level I)		7 - 10/12/1993
26. Bengkel Pembelajaran dan Pengajaran Berbantuan Komputer		20 - 21/12/1993

## **Perkhidmatan Lain**

Selain daripada menjalankan latihan, Pusat Sumber Pengajaran dan Pembelajaran juga menyediakan perkhidmatan rekabentuk grafik, kemudahan Perpustakaan Sumber dan perkhidmatan Pandang Dengar.

---

## **PUSAT COMPUTER AIDED DESIGN/ENGINEERING/MANUFACTURING (CADEM)**

---

### **Pendahuluan**

Sepanjang tahun 1993, Pusat ini telah meneruskan program yang telah dilaksanakan pada tahun lalu terutamanya dalam bentuk latihan dan perundingan.

Di antara kursus yang dianjurkan oleh CADEM ialah:

<b>Kursus</b>	<b>Tarikh</b>
1. UNIX	13-15 April 1993
2. MOLDFLOW Design Principles	26-29 April 1993
3. IDEAS Drafting	2-4 Disember 1993
4. IDEAS Solid Modelling	27-29 Disember 1993

### **Penerbitan/Penterjemahan**

Sila lihat Lampiran B.

---

## **PUSAT PENGAJIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

---

### **Pendahuluan**

Sepanjang tahun 1993, Pusat Pengajaran Pengangkutan Malaysia telah mengendalikan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

#### **1. Perundingan dan Penyelidikan**

Perundingan yang telah dijalankan pada tahun ini ialah Kajian Sistem Perkhidmatan dan Pengangkutan Bas Untuk Bandar

Melaka yang telah disiapkan pada bulan April 1993. Manakala satu penyelidikan telah siap dilaksanakan di bawah program CICHE dengan kerjasama British Council dan University of Wales College Cardiff (UWCC).

Di samping itu, Pusat Pengajaran Pengangkutan Malaysia sedang berbincang dengan berbagai pihak seperti UMW Motors, MISC Haulage dan lain-lain untuk menjalankan kerja-kerja perundingan.

Perbincangan juga sedang berjalan dengan Malaysian Institute of Maritime Affairs (MIMA) untuk menjalankan usahasama dalam bidang maritim.

#### **2. Kursus dan Latihan**

Pada masa ini usaha sedang dibuat dengan Malaysia Airport Berhad (MAB), Kelang Container Terminal (KCT) dan Keretapi Tanah Melayu (KTM) untuk menjalankan kursus bagi kakitangan organisasi tersebut.

#### **3. Pusat Pengkalan Data**

Pusat Pengajaran Pengangkutan Malaysia sedang berusaha untuk mewujudkan Pusat Pengkalan Data bagi mengendalikan data dan maklumat industri pengangkutan. Cadangan ini adalah berikutan daripada resolusi bengkel 'The Role of Information Technologi in Urban Traffic Management' yang diadakan pada 22 September 1993. Bengkel ini telah dihadiri oleh peserta-peserta daripada Kementerian Pengangkutan, Institusi Pengajaran Tinggi, pihak swasta dan persatuan pengguna.

---

## **ITM CAWANGAN PERLIS**

---

### **Pendahuluan**

Sepanjang tahun 1993 kampus cawangan ini masih meneruskan program yang dilaksanakan pada tahun-tahun yang lalu. Beberapa projek kemudahan tambahan seperti Dewan Makan Pelajar, Makmal Sains, Bengkel Kejuruteraan, Gelanggang Tenis dan Rumah Pegawai Penghuni masih lagi diteruskan pembinaannya. Ianya dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 1993 ini.

Di samping itu, kampus ini juga telah berjaya menganjurkan persidangan dan kusus bagi kakitangan dan pelajar seperti kursus Penyediaan Proposal Ijazah Lanjutan, Program Bina Semangat dan Kepimpinan, Kursus Motivasi, Seminar Pemikiran Islam dan sebagainya.

#### **Kursus Yang Dijalankan**

##### **Sepenuh Masa**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Kursus</b>
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
AC 10	Diploma Perakaunan
AS 19	Diploma Sains
SS 10	Diploma Sains Kesetiausaha
AS 10	Diploma Pengurusan Ladang
KP 04	Pra Perdagangan
KP 08	Pra Sains
EN 10	Diploma Kejuruteraan Awam
EN 11	Diploma Kejuruteraan (Elektronik)
EN 12	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa)
EN 13	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Mekanikal)
EN 14	Diploma Ukur Tanah
EN 15	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Peralatan)
EN 16	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Perkilangan)

##### **Separuh Masa**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Kursus</b>
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank

##### **Penerbitan/Penterjemahan**

Sila lihat Lampiran B.

##### **Pembentangan Kertas Kerja**

Sila lihat Lampiran C.

## **ITM CAWANGAN SABAH**

#### **Pendahuluan**

Sepanjang tahun 1993, projek pembinaan beberapa bangunan tambahan telah dilaksanakan di kampus ini.

Bangunan Fasa III (Pusat Akademik) telah siap dibina pada bulan Julai 1993. Perpindahan secara berperingkat telah diadakan sepanjang bulan Julai - Ogos 1993.

Dengan perpindahan ini, bilik-bilik kuliah di bangunan asrama dan pusat rekreasi (gymniscium) telah diubahsuai dengan dijadikan asrama pelajar mulai bulan Julai 1993.

Sepanjang tahun ini juga, ITM Kampus Sabah juga telah membina sebuah Medan Rekreasi dan Serbaguna serta sebuah Medan Selera di kawasan asrama, membina dan mengindahkan semula Batu Asas sedia ada dan lanskap (The Mall) di sekitar Fasa III.

Di samping itu, kampus ini dengan kerjasama Bahagian Latihan dan Biasiswa telah mengadakan Kursus Pentadbiran Pejabat pada 23 - 25 November 1993 bertempat di kampus Sabah.

#### **Kursus Yang Dijalankan**

##### **Sepenuh Masa**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Kursus</b>
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
SS 10	Diploma Sains Kesetiausahaan
KP 03	Pra Perdagangan

##### **Separuh Masa (PJJ)**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Kursus</b>
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank

##### **Penerbitan/Penterjemahan**

Sila lihat Lampiran B.

##### **Pembentangan Kertas Kerja**

Sila lihat Lampiran C.

## **ITM CAWANGAN SARAWAK**

#### **Pendahuluan**

ITM Sarawak telah berkembang dengan pesatnya dari tahun ke tahun baik dari segi fizikal, pengendalian kursus, khidmat masyarakat, pengambilan pelajar dan lain-lain kegiatan.

Bagi tahun 1993, ITM Sarawak telah mencapai beberapa kejayaan seperti berikut

## Kursus-Kursus Baru

Bagi tahun 1993, ITM Sarawak telah diberi kelulusan untuk memulakan kursus Diploma Lanjutan Pengajian Perniagaan (Pemasaran) (KLK) yang dimulakan pada Sesi Julai 1993. Seramai 134 permohonan telah diterima dan hanya 45 orang sahaja telah ditawarkan tempat. Pengambilan pelajar hanyalah pada Sesi Julai sahaja. Di samping itu, kursus Diploma Pentadbiran Awam (AL 10) telah dijalankan semula di kampus ini mulai semester Julai 1993.

## Kemudahan Fizikal

Bagi tahun 1993, tiga bangunan baru telah siap dibina dan boleh digunakan. Bangunan-bangunan tersebut adalah seperti berikut:

### a) Dewan Serbaguna

Dewan tersebut telah siap pembinaannya pada bulan Mac 1993. Walaupun siap pada tarikh tersebut, banyak kerja-kerja ubahsuai telah dilakukan ke atas bangunan tersebut untuk menyesuaikan kegunaannya dengan aktiviti biasa dan peperiksaan akhir.

### b) Surau Pelajar

ITM Sarawak telah mengubahsuai kantin lama pelajar untuk dijadikan surau. Kerja pembinaannya telah siap pada bulan Februari 1993 dan boleh memuatkan seramai 300 pelajar. Pembesaran surau perlu dilakukan di masa akan datang dan dengan berfambahnya bilangan pelajar.

### c) Dewan Kuliah

Pembinaan Dewan Kuliah telah siap pada bulan Januari 1993 dan ianya boleh diguna untuk Mass Lecture, Seminar dan Kursus.

Selain daripada kerja-kerja pembinaan bangunan baru, ITM Sarawak sepanjang tahun 1993 banyak membuat kerja-kerja pemberian ke atas bangunan dan kerja-kerja mencantikkan kawasan kampus.

## Persidangan, Seminar/Kursus Yang Dianjurkan

Sepanjang tahun 1993, ITM Sarawak telah bergiat cergas memberi sumbangan di dalam kegiatan-kegiatan berikut:

### a) Seminar

Seminar Antarabangsa Sains Matematik.

### b) Kursus/Bengkel

- i) Program Pembangunan Usahawan (MEDEC)
- ii) Kursus Pengendalian Komputer untuk masyarakat kampung anjuran Lembaga Pengurusan Sekolah Rendah Bantuan Rakyat, Jalan Hj. Bolhassan dan ITM Sarawak.
- iii) Kursus Whole Brain Learning untuk pensyarah ITM Sarawak.
- iv) Whole System Learning Method of Institution for ITM lecturer.
- v) Kursus Penulisan untuk kakitangan ITM Sarawak
- vi) Kursus Bahasa Malaysia untuk Kerani dan Jurutaip ITM Sarawak.
- vii) Kursus HEP untuk kakitangan Bahagian HEP dan lain-lain bahagian.

## Lawatan Pengerusi dan Ahli Majlis dan Perletakan Batu Asas Kampus Baru ITM Sarawak

Sempena dengan perletakan batu asas kampus baru ITM Sarawak, Pengerusi Majlis dan Ahli-Ahli Majlis telah membuat lawatan rasmi ke ITM Sarawak serta menghadiri Majlis Perletakan Batu Asas. Majlis perletakan batu asas kampus baru ITM Sarawak di Kota Samarahan telah disempurnakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Sarawak pada 8 Mei 1993. Di antara orang-orang kenamaan yang hadir selain daripada ahli-ahli Majlis termasuklah Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia, Timbalan Ketua Menteri Sarawak dan Menteri-Menteri Kabinet Sarawak.

Di samping itu, bersempena dengan lawatan ahli-ahli Majlis ITM ke kampus Sarawak, taklimat telah disampaikan oleh Pengetua ITM Cawangan Sarawak.

## Kursus Yang Dijalankan

### Sepenuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AC 10	Diploma Perakaunan
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
SS 10	Diploma Sains Kesetiausahaans
AL 10*	Diploma Pentadbiran Awam
KP 03	Pra-Perdagangan
KP 08	Pra-Sains

\* Dimulakan pada Semester Januari 1994

### Separuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AC 10	Diploma Perakaunan
AC 20	Diploma Lanjutan Perakaunan
BM 20	Diploma Lanjutan Pengajian Perniagaan (Pemasaran)
CS 09	Sijil Pengaturcaraan Komputer
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan

### Penerbitan/Penterjemahan

Sila lihat Lampiran B.

### Pembentangan Kertas Kerja

Sila lihat Lampiran C.

## ITM CAWANGAN TERENGGANU

### Pendahuluan

Di sepanjang tahun 1993, pembinaan bangunan tambahan Fasa 1B yang mengandungi asrama tambahan, dewan makan, surau dan rumah kakitangan masih diteruskan. Projek yang bernilai RM16.6 juta ini telah siap pada bulan Ogos 1993.

Pada tahun ini juga kursus-kursus peringkat sijil iaitu Sijil Hotel dan Restoran (Pengemasan), (Pramusaji), (Penyambut Tetamu) dan (Tukang Masak) telah dipindahkan ke kampus ini daripada kampus Shah Alam.

Kepimpinan kampus cawangan ini bertukar apabila Pengetua baru iaitu Dr. Muhamad bin Muda telah dilantik pada 15 Ogos 1993 menggantikan Encik Ismail bin Shaari yang tamat tempoh perlantikannya.

Kampus ini berbangga di atas kejayaan pelajar

yang mewakili Kelab Ragbi Vultures ITM Cawangan Terengganu apabila mereka berjaya menjadi Johan Liga Ragbi Negeri Terengganu. Di samping itu, kumpulan Brass Band ITM Cawangan Terengganu telah menjadi Johan Perbarisan Pasukan Pancaragam Hari Kebangsaan 1993 Peringkat Negeri Terengganu.

## Kursus Yang Dijalankan

### Sepenuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AC 10	Diploma Perakaunan
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
CS 10	Diploma Komputer Sains
HC 06	Sijil Perkhidmatan Hotel dan Restoran (Pengemasan)
HC 07	Sijil Perkhidmatan Hotel dan Restoran (Pramusaji)
HC 08	Sijil Perkhidmatan Hotel dan Restoran (Penyambut Tamu)
HC 07	Sijil Perkhidmatan Hotel dan Restoran (Tukang Masak)

### Separuh Masa (PJJ)

Kod Kursus	Kursus
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank

### Penerbitan/Penterjemahan

Sila lihat Lampiran B.

### Pembentangan Kertas Kerja

Sila lihat Lampiran C.

## ITM CAWANGAN JOHOR

### Pendahuluan

Sepanjang tahun 1993, ITM Cawangan Johor masih meneruskan program yang dilaksanakan pada tahun-tahun sebelumnya. Mulai Julai 1993, kampus ini telah memulakan kursus baru iaitu Kursus Diploma Analisis Pelaburan (BM 14).

Di samping itu, kampus ini juga giat mengendalikan kursus untuk kakitangan. Di antaranya kursus Bina Semangat, Bengkel 'Stress Management', Seminar Profesionalisma dan beberapa kursus motivasi kakitangan.

## Kursus Yang Dijalankan

### Sepenuh Masa

Kod Kursus	Kursus
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
BM 14	Diploma Analisis Pelaburan
AC 10	Diploma Perakaunan

### Separuh Masa

Kod Kursus	Kursus
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam

### Penerbitan/Penterjemahan

Sila lihat Lampiran B.

### Pembentangan Kertas Kerja

Sila lihat Lampiran C.

## ITM CAWANGAN MELAKA

### Pendahuluan

Keseluruhannya pada tahun 1993 ITM Cawangan Melaka masih lagi beroperasi di Kampus Jalan Hang Tuah. Ini disebabkan oleh kampus tetap di Km. 26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka yang dijadualkan siap pada pertengahan tahun 1993 masih belum boleh digunakan sehingga pada penghujung tahun 1993.

Memandangkan kampus tetap di Lendu ialah sebuah kampus yang baru dibuka, pelbagai masalah terpaksa dihadapi oleh semua kakitangan demi untuk memberikan keselesaan kepada semua siswa-siswi yang dijangka akan bermula mendaftar pada 26 Disember 1993.

Walau bagaimanapun, pada hari pendaftaran pelajar baru masih terdapat beberapa masalah kecil di luar jangkaan yang timbul. Tetapi semuanya telah dapat diatasi oleh kakitangan dengan adanya semangat kerjasama yang terjalin di antara bahagian dan unit di ITM Melaka. Pengurus Majlis ITM Y. Bhg. Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Arshad berserta dengan ahli Majlis ITM telah melawat ke kampus tetap ITM Melaka di Lendu Alor Gajah pada 22 Mei 1993. Taklimat mengenai ITM Melaka telah diberikan oleh Dr. Baharuddin Hj. Aziz, Pengetua ITM Melaka.

Pada 24 - 27 November 1993 beberapa orang pensyarah dari ITM Melaka telah menghadiri Konferensi Akademik Ke-2 Kajian Perniagaan dan Pengurusan di ITM Sarawak. Mereka terdiri daripada Miss Kathleen Chin, Encik Abd. Halim Md. Noor, Puan Asmah Zainuddin, Cik Jamilah Mahyideen, Puan Norashidah Zainal, Puan Roaimah Omar dan Puan Zubaidah Zahiruddin. Kumpulan Pensyarah ITM Melaka telah dipertanggungjawabkan untuk membentang kertas kerja bertajuk "Profile of Business School Lecturers and Their Expectations".

Sebagai sebuah kampus yang baru, pelbagai masalah terpaksa dihadapi bagi membangunkannya. Dari soal perparitan, kebocoran dan sebagainya sehingga kepadmasalah yang lebih mencabar seperti kekurangan kakitangan diperbagai peringkat di setiap bahagian.

Untuk mengatasi masalah ini ITM Melaka telah diberikan kelulusan untuk mengambil kakitangan harian. Malangnya mereka ini sukar untuk menjadi kakitangan tetap di ITM kerana ketidaan peruntukan. Ada di antara mereka telah berkhidmat sepanjang tempoh ITM Melaka ditubuhkan (lebih dari 9 tahun). Ini menyebabkan ada di antaranya yang berhenti apabila mendapat kerja lain. Akibatnya ITM kadang-kadang kehilangan pekerja mahir yang berpengalaman.

### Kursus Yang Dijalankan

### Sepenuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
MC 10	Pre-Diploma Sebaran Am

### Separuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank

### Penerbitan/Penterjemahan

Sila lihat Lampiran B.

### Pembentangan Kertas Kerja

Sila lihat Lampiran C.

## **ITM CAWANGAN PERAK**

### **Pendahuluan**

ITM Cawangan Perak telah berkembang dengan pesatnya sehingga ke hari ini. Pada semester Julai - Disember 1993 jumlah pelajar keseluruhannya ialah 2,314 orang dimana jumlah pelajar sepenuh masa ITM Cawangan Perak ialah seramai 1,669 orang manakala PPL/PJJ seramai 645 orang.

Peristiwa penting sepanjang tahun ini antaranya ialah lawatan perpisahan oleh Pengarah ITM. Perjumpaan tersebut telah diadakan pada 30 Disember 1993 di Dewan Besar ITM Cawangan Perak.

### **Kursus Yang Dijalankan**

#### **Sepenuh Masa**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Kursus</b>
AP 09	Sijil Perancangan Bandar dan Wilayah
AP 11	Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah
AP 13	Diploma Senibina
AP 14	Diploma Ukur Bahan
AP 15	Diploma Pengurusan Hartanah
AP 16	Diploma Bangunan
AP 17	Diploma Rekabentuk Dalaman
CS 10	Diploma Sains Komputer
KP 08	Pra-Sains
SS 10	Diploma Sains Kesetiausaha

#### **Separuh Masa (Luar Kampus)**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Kursus</b>
CS 09	Sijil Pengaturcaraan Komputer

#### **Separuh Masa (Pengajian Jarak Jauh)**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Kursus</b>
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank

#### **Penerbitan/Penterjemahan**

Sila lihat Lampiran B.

#### **Pembentangan Kertas Kerja**

Sila lihat Lampiran C.

## **ITM CAWANGAN PAHANG**

### **Pendahuluan**

Kampus tetap ITM Cawangan Pahang di Bandar Pusat Jengka mula beroperasi pada 1 Mei 1993 dengan perpindahan 16 orang pensyarah dan 20 orang kakitangan pentadbiran. Pelajar-pelajar baru seramai 206 orang telah mendaftar di kampus Jengka pada 28 Jun 1993.

Perpindahan ke kampus Jengka diadakan secara berperingkat-peringkat kerana masalah perumahan kakitangan. Kampus sementara di Kuantan masih digunakan untuk pelajar-pelajar tahun kedua dan ketiga. Kampus Kuantan akan ditutup apabila kesemua pelajar dan kakitangan berpindah ke Jengka pada Jun 1994.

### **Kursus Yang Dijalankan**

#### **Sepenuh Masa**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Kursus</b>
AS 10	Diploma Pengurusan Ladang
AS 19	Diploma Sains
CS 10	Diploma Sains Komputer
SS 10	Diploma Sains Kesetiausahaan
KP 08	Pra-Sains

#### **Separuh Masa**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Kursus</b>
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
AC 10	Diploma Perakaunan

#### **Penerbitan/Penterjemahan**

Sila lihat Lampiran B.

#### **Pembentangan Kertas Kerja**

Sila lihat Lampiran C.

## **ITM CAWANGAN KELANTAN**

### **Pendahuluan**

Pada tahun 1993, Kampus ITM Cawangan Kelantan masih lagi beroperasi di kampus sementara yang terletak di Kem Kijang, Jalan Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu, Kelantan.

Walau bagaimanapun, proses pembinaan kampus tetap di Bukit Ilmu, Machang telah pun dimulakan pada awal bulan April 1993 dan dijangka dapat disiapkan pada bulan Julai 1995.

Disebabkan ruang dan kemudahan yang terhad di kampus sementara, maka keupayaan untuk menambahkan bilangan pelajar tidak dapat dilakukan. Namun begitu pihak pengurusan kampus cawangan dan pelajar telah berjaya menganjurkan kursus-kursus, bengkel, seminar, lawatan akademik serta mengendalikan program-program latihan untuk staf akademik dan pentadbiran di sepanjang tahun tersebut.

#### **Kursus Yang Dijalankan**

##### **Sepenuh Masa**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Kursus</b>
AC 10	Diploma Perakaunan
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
KP 04	Pra Perdagangan

##### **Separuh Masa**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Kursus</b>
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
CS 09	Sijil Pengaturcaraan Komputer

#### **Penerbitan/Penterjemahan**

Sila lihat Lampiran B.

#### **Pembentangan Kertas Kerja**

Sila lihat Lampiran C.

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA**  
**SENARAI PROJEK PENYELIDIKAN YANG TAMAT PADA TAHUN 1993**

BIL	BIDANG	NAMA PENYELIDIK	TAJUK PROJEK	KAJIAN	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT	KOS PROJEK
1.	Sains dan Teknologi	Dr. Rosy Teh	Classical Solution of Yang Mills Equations in 2+1 Dimensions	Pusat Pendidikan Persediaan	19/08/88	31/06/93	2,923.94
2.	Sains Kemasyarakatan	Adnan Jamaluddin	Pembentukan dan Pembinaan Pangkalan Data Bibliografik Nasional Untuk Kesusastraan Sains Perpustakaan Dan Maklumat Negara Malaysia Dengan Menggunakan Perisian CDS?ISIS	Sains Perpustakaan dan Maklumat	01/05/90 1	05/07/93	9,070.00
3.	Sains Pengurusan	Norela Nurudin Norsidah Ahmad Zainab Ahmad Farok Zakaria Hapisah Ramli Dr Humam Hj Mohamed Hamdan Hj. Hassan Johari Shaari Nik Mustafa Shapri Hj. Abdul Latif	Kes-kes Keusahawanan	MEDEC	01/06/90	31/07/93	826.20
4.	Sains Dan Teknologi	Mohd Zaini Jamaluddin Fatimah Ibrahim Norashidah Md Din	A Study On The Cost Of Outage (Energy Not Served) In Selangor And Wilayah Persekutuan	Kejuruteraan	01/01/91	08/08/93	48,175.54
5.	Sains dan Teknologi	Dr. Lee Pat Moi	Immobilization of Enzymes - Fasa 1	Pusat Pendidikan Persediaan	01/11/90	11/08/93	254,858.62
6.	Sains Kemasyarakatan	Drs Wan Abdullah Hj Wan Mahmood Zainuddin Awang Shukri Shamsuddin Mohd Zuhairi Safuan	Persepsi Pelajar Pengajian Tinggi Terhadap Pendidikan Islam Satu Kajian Kes Di ITM	ITM Johor	01/03/92	31/01/93	6,950.03
7.	Sains Kemasyarakatan	Dr Abdul Shukor Hashim	Analisis Diri Sebagai Suatu Kaedah Penilaian Dan Penyeilaan Dalam Pendidikan Seni	Seni Lukis dan Seni Reka	01/08/90	31/10/93	8,685.46
8.	Sains Pengurusan	Nordin Mansor Nordin Abu Bakar Wan Abdul Manan Wan Muda Zulkornain Yusof A. Aziz Jaafar	Industri Kecil Dan Sederhana Di Terengganu Dan Peranannya Dalam Ekonomi Negeri	ITM Terengganu	01/01/90	31/10/93	16,543.18

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA**  
**SENARAI PROJEK YANG TELAH DI LULUSKAN PADA TAHUN 1993**  
**(Bidang Sains Dan Teknologi)**

BIL	NAMA PENYELIDIK	TAJUK PROJEK	KAJIAN	TAHUN MULA	KOS PROJEK	CATATAN
1.	Zamri Mohd Noor Rooswadi Abdullah Rosman Mahmood Noordin Abu Bakar	Pendedahan Komputer Peringkat Sekolah Rendah di Terengganu	ITM Cawangan Terengganu	1993	10,000.00	
2.	Kasani Yusof Hj. Ashari Abdul Jalil Zainal Lope Anuar Hj Sirat	Status Semasa Industri Pembuatan Perabot Bumiputera	Sains Gunaan	1993	15,000.00	
3.	Ting Kien Hwa Mohd Yunus Abd Rahman Norini Awang Zaiton Ma'in	Penyediaan Indeks Hartanah (Property Index) Peringkat 1	Senibina Perancangan & Ukur	1993	6,000.00	
4.	Sharuzaman Mohd Salleh Zainon Abu Bakar Raja Baziah Hizam Sariah Ibrahim Sharon Arifin	Lapangan Terbang Antarabangsa Kedua KL: Kesan ke atas Nilai Tanah dan Potensi Pembangunan Hartanah	Senibina Perancangan & Ukur	1993	10,000.00	
5.	Dr. Nabil Mahmoud Abd Kadir Ahmad Maliki Omar	Induction Heating Rice Cooker	Kejuruteraan	1993	15,000.00	
6.	Azni Zain Ahmad Sulaiman Shaari Zainalazlan Md Zain	Energy Conservation & MGT: Empirical Determination of Climatological Data For Comfort Zone At Shah Alam.	Kejuruteraan	1993	40,160.00	
7.	Zainudin Shaary Ngah Ramzi Hamzah Ismail Musirin Mustafar Kamal Hamzah	Development Of A Basic Low - Cost 200 KVDC Pulsed-Charge Marx Generator Z For Pulsed Power Application	Kejuruteraan	1993	34,000.00	
8.	Mahadzir Din Hamidi Abd Hamid Mohd Nazari Abu Bakar	Kajian Sifat Fizik Dan Bahan Superkonduktor Suhu Tinggi (T)	ITM Perlis	1993	5,000.00	
9.	Shaikh Abdul Karim Yamani Abdul Jalil Hj Ahmad Jamaluddin Kasim	Particleboard Manufacture From Empty Oil Palm Fruit Banches	Sains Gunaan	1994	27,600.00	
10.	Dr. Hu Zhaoguang Ir Shah Rizam Mohd Shah Bakri Mohamad Aris Rahman Mohamad Khayata Idris	Development Of Energy (Electrical Power) Forecasting	Kejuruteraan	1994	34,500.00	
11.	Mohd Noor Ramlan Mohd Shukri Ismail	Kitar Nutrient Di Hutan Pergunungan Di Malaysia	TM Perlis	1994	70,000.00	
12.	Mohd Zaki Abdullah Mustafar Kamal Hamzah Dr Nabil Mahmoud Abdul Kader Ahmad Maliki Omar Bibi Norasigin Sh. Rahimulah	Pembangunan Sistem Janakuasa Sedia Tunggu UPS Bagi Kendalian Kuasa Rendah	Kejuruteraan	1994	15,000.00	
13.	Md Mahfuz Md Zan Mustafar Kamal Hamzah Habibah Hashim Roziah Jarmin Wahidah Mansur Noritawati Mohd Tahir	Voice Synthesizer For Automated Tele - Conversation	Kejuruteraan	1994	40,000.00	
14.	Halila Hassan Ahmad Sazali Hamzah	Chemical Constituents And Biological Activity Of Morinda Elliptica	Sains Gunaan	1994	63,250.00	

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA**  
**SENARAI PROJEK PENYELIDIKAN YANG TELAH DI LULUSKAN PADA TAHUN 1993**  
**(Bidang Sains Kemasyarakatan)**

BIL	NAMA PENYELIDIK	TAJUK PROJEK	KAJIAN	TAHUN MULA	KOS PROJEK	CATATAN
1.	Sulaiman Esa Mohd. Azlan M. Amin	Identiti Islam Dalam Seni Rupa Malaysia: Pencapaian dan Cabaran	Seni Lukis & Senireka	1993	13,000.00	
2	Fakhariah Datuk Hj. Lukman	Penganalisaan dan Pendidikan Asas Seni Bunyi Tradisional Melayu Islam di Zaman Moden	Seni Lukis & Senireka	1993	30,000.00	
3.	Zahari Zain Sulaiman	Penentuan Mutu Permata Jadeite	Seni Lukis & Senireka	1993	20,000.00	
4.	Ham Rabeah Kamarun	Kajian Kegunaan Sekam Dan Batang Padi Sebagai Bahan Licau Dalam Pengeluaran Barang Seramik	Seni Lukis & Senireka	1993	30,000.00	
5.	Hj Azlan Khalili Hj Shamsuddin	Kesan Pemilihan J/Kuasa politik Di Peringkat Bahagian Kepada Politik Negara	Pusat Pendidikan Persediaan	1993	5,000.00	
6.	Alauyah Johari	Kajian Terhadap Prestasi Pelajar-pelajar PJJ	ITM Perlis	1993	3,000.00	
7.	Norlis Othman	The Usage Of Opac ?SISPUKOM at Dato Jaafar Library ITM Perlis	ITM Perlis	1993	493.00	
8.	Wee Chong Hui Norzaihan Hashim Jamil Hamali Esme Aman Dilaila Juan	Perception of Rural and Urban Students Towards Quasitative and Quantitative Subjects In Kuching, Kota Samarahan And Sri Aman	ITM Sarawak	1993	5,000.00	
9.	Dr. Ibrahim Abu Shah Zulkefley Mohamed Badrul Hj Abdul Manaf Jamil Hamali	Gaya Hidup Remaja Di Sarawak	ITM Sarawak	1993	5,000.00	
10.	Nurhani Abu Ibrahim Zaihan Abdul Latif Faridah Shamsuddin W. Mohamed W. Abdullah Noraini Mohamed	Kegiatan Jenayah Juvana - Satu Kajian Dengan Sarawak	ITM Sarawak	1993	5,000.00	
11.	Masnah Mohd Zain Norashimah Abdul Aziz Zuraidah Mohd Sanusi Norhayati Mohamed Richard Widows	Cost Of Living Configuration Of University Degree In Malaysia	Pusat Pendidikan Persediaan	1994	10,000.00	
12.	Wee Chong Hui Jeniffer Tunga Janang Roziati Ibrahim Jaqueline Shim Phek Kim	The Effects Of Gender Relations On Child Nutritions Amongts Urban Squatters In Kuching	ITM Sarawak	1994	12,516.00	
13	Ng Kui Choo Linda Sim Yian Hua Sara Chen Mun Lan	A Comparative study of Problems Faced By Modern Parenthood	ITM Sarawak	1994	10,000.00	
14	Ahmad Rashdi Yan Ibrahim	Tulang Sotong Satu Daya Ketahanan Bahan Bakar Untuk Acuan/Mould	Seni Lukis & Seni Reka	1994	5,000.00	
15	Zaharah Ahmad Osman Zaliha Shaari Zaleha Zainuddin Basitah Taif	Koleksi Motif - Motif Melayu	Seni Lukis & Seni Reka	1994	5,000.00	

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA**  
**SENARAI PROJEK PENYELIDIKAN YANG TELAH DI LULUSKAN PADA TAHUN 1993**  
**(Bidang Sains Dan Pengurusan)**

BIL	NAMA PENYELIDIK	TAJUK PROJEK	KAJIAN	TAHUN MULA	KOS PROJEK	CATATAN
1.	Yusof Ramli Wan Ismail Wan Jusuh	Perlakuan Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Kerajaan	Pusat Pendidikan Islam	1993	25,804.00	
2.	Dr. Rokiah Hassan	Performance Of New Issues 1988 - 1992	Perniagaan & Pengurusan	1993	10,000.00	
3.	Vijaya Letchimi S Thayan Roaimah Omar	The Role Of Insurance Companies In Complementing Social Security (SOCSO) in Malaysia	ITM Cawangan Malaka	1993	5,000.00	
4	Nor Aini Ahmad Artinah Zainal Ahmad Nizan Zali Rahmat Hashim	Masakan Melayu - Khazanah Dan Warisan Bangsa	Pengurusan Hotel & Pelancungan	1993	10,000.00	
5.	Maimunah Sulaiman	Credit Cards - A Stimulus To Consumer Spending	ITM Perlis	1993	4,989.16	
6.	Zulkifli Mohd Yusof Noor Saliza Zainal	Kesedaran Peniaga Muslim Membayar Zakat Perniagaan (Kajian Di Bandar Johor Bharu, Kota Bharu Dan Kuala Lumpur)	ITM Johor	1994	20,251.00	
7.	Wan Jaafar Wan Endut Mazilah Musa Mohd Ismail Ramli Azahari Abd Azizi	Tanggapan Penduduk Terengganu Terhadap Industri Pelancungan Di Negeri Terengganu	ITM Terengganu	1994	20,186.00	
8.	Mohamed Hashim Mohd Kamil	Overall Job Satisfaction Among Academic Staff Of MARA Institute Of Technologi	Perniagaan & Pengurusan	1993	5,000.00	
9.	Marilyn Aminuddin	Responsibility For The Human Resource Management Function In Malaysia Manufacturing Firms	Perniagaan & Pengurusan	1993	1,000.00	

**SENARAI PROJEK PENYELIDIKAN IRPA YANG TELAH TAMAT PADA TAHUN 1989-1993**  
**AGENCY: INSTITUT TEKNOLOGI MARA**

Bil	Research Programme /Project	Ceiling RM6	Researcher	Tahun Mula	Tahun Selesai	Stage of Implementation (ongoing/completed)	Additional Allocation Needed for 1995	Justification
1.	Glued Laminated Timber Beam - Phase 1	219,000.00	Mansur Ahmad Dr Ir Wan Mahmood Wan Abdul Majid	1993	1993	on going	50,000.00	accessories and materials
2.	Mechanisation of Songket Production - Phase 1	219,000.00	Jamaluddin Muhamad Jamil Salleh Wan Yunus Wan Ahmad	1989	1993	on going	50,000.00	accessories and materials
3.	Sistem Maklumat Zakat di Jabatan-Jabatan Agama Islam di Malaysia	50,000.00	Mohd Isa Mohd Samat	1989	1993	on going	-	
4.	Kegagalan Perniagaan di Malaysia	20,000.00	Dr Humam Hj Mohamed Ismail Hj. Abd Wahab Lau Too Kya Mohamed Dahlan Ibrahim Rahmat Mohamad	1990	1992	completed		

**SENARAI PROJEK PENYELIDIKAN IRPA YANG SEDANG BERJALAN PADA TAHUN 1989-1990**  
**AGENCY: INSTITUT TEKNOLOGI MARA RANCANGAN MALAYSIA KE LIMA**

Bil	Research Programme/Project	Ceiling RM6	Researcher	Tahun Mula
1.	Glued Laminated Timber Beam - Phase 2	219,000.00	Mansur Ahmad Dr Ir Wan Mahmood Wan Abdul Majid	1993
2.	Keselamatan Jalanraya	50,000.00	Ahmad Suhaimi Ismail Ir Mohd Yusof Abd Rahman Sabariah Jemali	1989
3.	Penentuan Tahun Cuaca Piawaian dan Data Suria bagi Kegunaan Dalam Ramalan Perlaksanaan Thermal Bangunan	12,000.00	Dr. Ir Hassan Ibrahim	1989
4.	Kelakuan Cerucuk Bakau	126,000.00	Ir Haron Ismail Bahardin Baharom Mat Som Marwi	1989
5.	Cadangan Rekabentuk Tanggam dan Alat-alat Sokongan Perabut	10,000.00	Dr Tamyez Hj Bajuri	1989
6.	Mechanisation of Songket Production -Phase 2	199,000.00	Jamaluddin Muhamad Jamil Salleh Wan Yunus Wan Ahmad	1993
7.	Kajiselidik Mengenai Tabiat Membaca di Kalangan Pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia	20,000.00	Dr Szarina Abdullah Hamidah Abd Rahman Sohaimi Talib	1989
8.	Socioeconomic Implication for Converting EPF Lump Sum Benefits to Pension Scheme	150,000.00	Dr Shahril Hussein Azlina Ahmad Halilah Harun	1989

**SENARAI PROJEK PENYELIDIKAN IRPA YANG SEDANG BERJALAN PADA TAHUN 1991 -1993**  
**AGENCY: INSTITUT TEKNOLOGI MARA RANCANGAN MALAYSIA KE ENAM**

Bil	Research Programme /Project	Ceiling RM6	Researcher	Tahun Mula
1.	Akses Kepada Keadilan: Kemudahan Nasihat dan Bantuan Guaman di Malaysia	53,500.00	Dr Ibrahim Lamat Noraini Ismail	1991
2.	Asal Usul Pakaian Melayu Tradisional dan Perkembangannya	10,000.00	Zaiton Jalaluddin	1991
3.	Sosio - Economic Consequences of the Retired People in Malaysia	70,000.00	Normah Dali Lau Too Kya Appa Rao Maradiah	1991
4.	The Determination of Constructibility Concepts for the Construction Industry	30,000.00	Ariffin Ismail	1991
